



BANDAR SERI PUTRA

SAVILLE KAJANG

NADI BANGSAR

LAPORAN
TAHUNAN
2017



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-50
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

SAMSUNG



Introducing the
Galaxy S9 | S9+
The Camera. Reimagined

RED ORANGE SOLUTION SDN BHD

Lot A-1-3 Viva Mall, 378 Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
Tel : +603-2856 0815 Email : sales@redorange.com.my

MEDIA TRAVEL & HOLIDAYS SDN BHD



(KPL 5549)

Owned by : Koperasi New Straits Times Press Berhad
8-LG-20 Menara Mutiara Bangsar, Jalan Liku
Off Jalan Riong, 59100. Kuala Lumpur.



OUR SERVICES INCLUDES:

DOMESTIC & INTERNATIONAL TOURS
FLIGHT & HOTEL ROOM RESERVATION
MEETING & INCENTIVE PACKAGES
TEAM BUILDING & FAMILY DAY PACKAGES
CRUISES & GOLF PACKAGES
CAR, MPV & BUS RENTAL
TRAVEL INSURANCE

VISA APPLICATION: CHINA, INDIA & AUSTRALIA

TRAVEL PACKAGE TO :

LOMBOK ~ JOGJAKARTA ~ BANGKOK
SIEMREAP ~ BALI ~ KRABI ~ CHINA
KASHMIR ~ MALDIVES ~ LONDON ~ PARIS
~ ITALY ~ RUSIA ~ BALKAN ~ JORDAN
BALKAN ~ AUSTRIA ~ EGYPT ~ PHUKET
SOUTH KOREA ~ JAPAN ~ NEW ZEALAND
AUSTRALIA ~ TURKEY ~ HONGKONG
INDIA ~ TAIWAN ~ LAOS ~ CAMBODIA
SPAIN ~ MOROCCO AND MANY MORE....



CALL US NOW: 603-22017575 / 603-22017474

EMAIL US : sales@mediatravel.com.my

VISIT US @ WWW.MEDIATRAVEL.COM.MY



ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Kata-kata Aluan dari Yang Dipertua Koperasi NSTP (M) Berhad	4
Kata-kata Aluan dari Pengerusi Koperasi NSTP (M) Berhad	5
Profil Syarikat	6
Anggota Lembaga Koperasi NSTP (M) Bhd Sesi 2017/2018	7
Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi NSTP (M) Bhd Sesi 2017/2018	8
Kakitangan Koperasi NSTP (M) Berhad	9
Aktiviti Koperasi NSTP 2017	10
Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-50 dan Agenda	12
Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-49	13
Kehadiran Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-49	31
Laporan Lembaga Tahun 2017	34
Laporan Jawatankuasa Kecil tahun 2017	
Laporan JKK Kewangan, Pentadbiran & Sumber Manusia	37
Laporan JKK Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart	40
Laporan JKK Pemasaran & Pelaburan	43
Laporan JKK Ar-Rahnu	48
Laporan JKK Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi	51
Laporan JKK Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko	56
Lampiran A - Mesyuarat Agung Kawasan	61
Lampiran B - Senarai Perwakilan	62
Lampiran C - Kursus & Seminar Tahun 2017	63
Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Sesi 2017/2018	68
Laporan Juruaudit Bebas	71
Laporan Berkanun Lembaga	75
Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017	76
Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir 31 Disember 2016	117
Pindaan Aturan Skim Pembiayaan Kecemasan – Al-Qard	120
Pindaan Anggaran Pendapatan & Perbelanjaan Tahun 2018	121
Anggaran Pendapatan & Perbelanjaan Tahun 2019	123

PRINSIP - PRINSIP KOPERASI

Keanggotaan Sukarela dan Terbuka

Koperasi adalah sebuah organisasi sukarela terbuka kepada sesiapa sahaja yang boleh menggunakan perkhidmatan yang ditawarkannya dan rela menerima tanggungjawab sebagai anggota tanpa mengira jantina, perbezaan sosial, bangsa, fahaman politik atau agama.

Kawalan Secara Demokrasi oleh Anggota

Koperasi adalah organisasi yang demokratik, dikawal oleh anggotanya sendiri dengan melibatkan diri secara aktif dalam membuat polisi dan keputusan. Lelaki dan wanita yang dilantik sebagai wakil mempunyai tanggungjawab terhadap anggota.

Bagi koperasi asas, anggota mempunyai hak mengundi yang sama (satu anggota satu undi) dan koperasi di lain peringkat juga diuruskan secara demokratik.

Penglibatan Anggota dalam Kegiatan Ekonomi

Anggota memberi sumbangan sama rata kepada modal koperasi dan mengawalnya secara demokratik. Sekurang-kurangnya sebahagian daripada modal tersebut adalah harta bersama koperasi. Anggota selalunya menerima gantirugi yang terhad, jika ada, ke atas modal yang disumbangkan sebagai sebahagian daripada syarat menjadi ahli.

Anggota menyediakan kewangan untuk satu atau kesemua tujuan berikut: memajukan koperasi dengan menyediakan rezab dimana sebahagian daripada rezab tersebut tidak boleh dibahagi-bahagikan, di samping memberi faedah kepada anggota mengikut jumlah transaksi mereka dengan koperasi dan menyokong aktiviti yang dipersetujui oleh anggota.

Kebebasan dan Autonomi

Koperasi adalah organisasi autonomi dan berdikari yang dikawal oleh anggota. Jika mereka memasuki mana-mana perjanjian dengan lain-lain organisasi, termasuk dengan kerajaan, atau menambah modal daripada sumber luar, mereka berbuat demikian di atas syarat-syarat yang memastikan kawalan demokrasi masih ditangan anggota di samping masih dapat mengekalkan taraf autonominya.

Pendidikan, Latihan dan Maklumat

Koperasi menyediakan pendidikan dan latihan untuk anggotanya, lembaga yang dipilih, pengurus dan pekerja agar mereka boleh menyumbang secara berkesan kepada kemajuan koperasi.

Koperasi menyampaikan maklumat kepada orangramai terutama golongan muda dan ketua masyarakat berhubung perihal dan faedah koperasi.

Koperasi di antara Koperasi-koperasi

Koperasi membantu anggotanya secara lebih berkesan disamping mengukuhkan gerakan koperasi dengan bekerjasama di peringkat tempatan, wilayah, nasional dan antarabangsa.

Prihatin Terhadap Masyarakat

Sambil menumpukan kepada keperluan anggota koperasi juga berusaha untuk membangunkan masyarakat secara mampan melalui dasar-dasar yang diterima oleh anggota-anggotanya.

KATA-KATA ALUAN DARI YANG DIPERTUA KOPERASI NSTP (MALAYSIA) BERHAD



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera*

Terlebih dahulu ucapan terima kasih saya kepada pihak Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (“KNSTP”) kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk memberikan sepatah dua kata di dalam Laporan Tahunan 2017 ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-50.

Berdasarkan pemerhatian saya, KNSTP adalah sebuah organisasi yang membantu anggota-anggota dengan memberi perkhidmatan terbaik seperti kredit, perlindungan insurans dan kedai runcit. Selain itu, kepelbagaiannya perkhidmatan dan perniagaan seperti Ar-Rahnu X’Change (pajak gadai Islam), pelaburan harta tanah dan pengurusan acara turut membantu meningkatkan pendapatan koperasi. Dengan perkhidmatan ini, anggota akan menerima pulangan melalui dividen setiap tahun.

Saya selaku Yang Dipertua amat berharap pengurusan KNSTP sentiasa melipat gandakan usaha dan sentiasa tabah dalam menghadapi cabaran yang mendatang. Ini kerana, adalah menjadi tanggungjawab pengurusan KNSTP untuk memastikan prestasi dikekalkan dan meningkat dari masa ke semasa.

Kepada para perwakilan sekalian, saya berharap anda dapat memanfaatkan kehadiran di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ini dengan memberikan idea-idea baru dan menjadikan ianya sebagai satu landasan terbaik untuk memberi teguran yang membina serta menyuarakan pendapat yang bernalas bagi memastikan matlamat dan hala tuju KNSTP tercapai.

Selamat maju jaya. Wassalam

A handwritten signature in black ink, appearing to read "JALIL HAMID".

DATUK SERI ABDUL JALIL HAMID
Yang Dipertua Koperasi NSTP (M) Berhad
23 Mac 2018

KATA-KATA ALUAN PENGERUSI KOPERASI NSTP (MALAYSIA) BERHAD

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh
Dan Salam Sejahtera



Alhamdulillah, dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT serta restu-Nya, Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (“KNSTP”) berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-50 dan masih dapat mengekalkan prestasi yang baik selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993.

Pada tahun 2017 dan tahun-tahun yang akan datang, pengurusan KNSTP akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi tahunan. Semenjak ditubuhkan sehingga kini, sumber pendapatan utama adalah dari skim pembiayaan kepada anggota. Kini, pendapatan ini telah berkembang kepada perkhidmatan insurans, perniagaan Ar-Rahnu, Coopmart, pengiklanan dan hartanah. Dijangka, hartanah akan menjadi salah satu sumber pendapatan utama KNSTP di masa depan.

Komitmen semua dalam menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan merupakan tanggungjawab yang perlu digalas kerana, di mesyuarat ini, semua perwakilan akan bersidang dan berbincang untuk kemajuan dan pembangunan jangka panjang koperasi.

Setinggi penghargaan juga kepada Datuk Seri Abdul Jalil Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif The NSTP (M) Berhad, pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Allianz General Insurance Company Berhad, Sunlife Malaysia Assurance Berhad, Malay Mail Sdn Berhad & Media Travel & Holidays Sdn Bhd atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Akhir kata, saya mendoakan agar KNSTP akan terus maju dan berjaya di masa-masa akan datang. Kejayaan KNSTP adalah kejayaan semua yang terlibat bermula dari anggota, perwakilan dan pengurusan koperasi. Saya amat berharap penglibatan dan sokongan ini diteruskan demi kesejahteraan dan kejayaan bersama.

Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamualaikum wrt.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

A handwritten signature in black ink, appearing to read "MOHD FADZIL ABDUL GHANI".

MOHD FADZIL ABDUL GHANI
Penggerusi
23 Mac 2018

PROFIL SYARIKAT

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD (No. Pendaftaran : 4369)

Alamat Perniagaan : 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur
No. Telefon / Faks : 03-22824647 / 1-300-22-6787 samb. 7696 / 03-22826334
Alamat Cawangan : Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP
No. A-G-1, Blok A Arena, Mentari, Jalan PJS 8/15,
Dataran Mentari, 46150 Petaling Jaya, Selangor
No Telefon / Faks : 03-56377277 / 03-56377677
Emel : koperasi@mediaprima.com.my
Laman Web : <http://www.koopnstp.my>
Facebook : Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad
Instagram : koopnstp
Motto : “Maju Koperasi Anggota Bahagia”
Misi : Memberi kemudahan terbaik kepada anggota melalui skim-skim pembiayaan, tabungan serta insurans
Visi : Untuk menjadi pusat kewangan setempat atau “*one-stop financial centre*” bagi memenuhi segala keperluan kewangan anggota
Objektif :

1. Menggalakkan tabungan untuk masa depan
2. Menyediakan skim pembiayaan dengan caj minima
3. Memberi perlindungan insurans demi kesejahteraan anggota dan keluarga

Aktiviti : Kredit – Skim Pembiayaan kepada anggota ;
Perlindungan insurans ;
Pengguna – Peruncitan / Pajak Gadai Islam / Pelancongan /
Pengurusan Acara dan Seminar
Keanggotaan : Keanggotaan koperasi terbuka kepada pekerja dan bekas pekerja berikut :-
(a) Syarikat dan bekas syarikat Kumpulan Media Prima Berhad;
(b) Syarikat dan bekas syarikat Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad;
(c) Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad; dan
(d) Rakan perniagaan syarikat (a) hingga (c)
serta keluarga mereka



KOOP NSTP

ANGGOTA LEMBAGA

SESI 2017/2018

1. MOHD FADZIL BIN ABDUL GHANI
Pengerusi

2. ZULFAKAR BIN WAHIB
Setiausaha

3. AHMAD SHUKRAN BIN HAJI MOHAMED SALLEH
Bendahari

4. BAHARUDDIN BIN ISHAK
Penolong Setiausaha

5. ABDUL RAHIM BIN LLIN
Penolong Bendahari

6. M. NASIR BIN RAMLI
Anggota Lembaga

7. KHAIRUZZAMAN BIN MOHAMMAD
Anggota Lembaga

8. MOHAMAD WAFI BIN MOHAMAD AROF
Anggota Lembaga

9. SALEHUDIN SHAH BIN SHABUDIN
Anggota Lembaga

10. KAMARULZAMAN BIN PID
Anggota Lembaga

11. MOHAMMAD ANIS BIN ABDULLAH
Anggota Lembaga

12. DAUZA BINTI UMAT
Anggota Lembaga



KOOP NSTP

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2017/2018

- 1. MOHD SAQAIRI BIN HASSAN**
Pengerusi JKAD
- 2. ZOLKEFLI BIN HAMZAH**
Ahli JKAD
- 3. MOHD REDZUAN BIN AB RAHMAN**
Ahli JKAD
- 4. MOHD FAIZAL BIN ABDUL AZIS**
Ahli JKAD
- 5. MOHD HIDZIR BIN MD ISMAIL**
Ahli JKAD

KAKITANGAN KOPERASI



KAKITANGAN IBU PEJABAT

BERDIRI DARI KIRI

Sdr Mohd Fakhri Abdul Koles, Sdr Mohammad Putra Idzreen Mat Salihin, Sdri Nor Khairina Leela Nasarudin,
Pn Nor Amiza Azizi, Sdr Mohd Nazri Johari, Sdri Nazirah Abd Manap, Sdri Noorhazifah Mohd Aminoor,
Sdri Nur Azian A'arip & Sdri Normaheran Baharuddin

DUDUK DARI KIRI:

Pn Azlina Ibrahim (*Ketua Unit Litigasi & Pengurusan Risiko*), Sdr Ridzwan Ahmad (*Ketua Unit Pemasaran & Pelaburan*),
Pn Rodziah Jamaah (*Pengurus Besar*), Pn Salwa Badaruddin (*Ketua Unit Kewangan, Pentadbiran & Sumber Manusia*)
& Pn Zuliza Jumai (*Ketua Unit Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart*)



AR-RAHNU X'CHANGE KOPERASI NEW STRaits TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

BERDIRI DARI KIRI:

Pn Nur Ashieqin Abd Malid, Sdr Ismaildi Ismail, Sdr Amir Mat Kupli (*Ketua Unit Ar-Rahnu*)
& Sdri Ainin Sofea Abd Basid

AKTIVITI KOPERASI NSTP TAHUN 2017



Kejohanan Badminton Koperasi Bersama Bank Rakyat anjuran Koperasi NSTP
di Menara Kembar Bank Rakyat pada 11 Februari 2017



Agihan Penyata & Cenderahati Koperasi NSTP dan Sambutan 50 Tahun Jubli Emas
Koperasi NSTP 1967 - 2017



Mesyuarat Agung Perwakilan ke-49 Koperasi NSTP yang telah diadakan di Berjaya Waterfront Hotel, Johor Bahru pada 12-14 Mei 2017.



Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Koperasi NSTP pada 11 September 2017



Kejohanan Go-Kart Koperasi Bersama ANGKASA sempena Persidangan Antarabangsa Koperasi ini telah diadakan di Shah Alam Go-Kart Circuit pada 23 September 2017.

NOTIS DAN AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-50

DIBERITAHU, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50 akan diadakan pada **22 April 2018** bersamaan hari **Ahad**, jam 8.30 pagi di **Bilik Mesyuarat, The Zenith Hotel, Jalan Putra Square 6, Putra Square, 25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur.**

AGENDA MESYUARAT

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-49.
2. Pemilihan empat (4) orang Anggota Lembaga tamat tempoh jawatan.
3. Menerima dan meluluskan:
 - a) Laporan Lembaga Bagi Tahun 2017.
 - b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2017/2018.
 - c) Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
 - d) Pandangan Suruhanjaya Ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2016.
4. Menimbang pembayaran dividen seperti disyorkan oleh Lembaga.
5. Menerima dan meluluskan Pindaan Aturan Skim Pembiayaan.
6. Mengesahkan Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2018.
7. Mengesahkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2019.
8. Melantik Juruaudit Luar bagi Tahun 2018 dari senarai berikut :-
 - i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
 - ii) Kamal Zahari & Co
 - iii) Afrizan Tarmili Khairul Azhar Chartered Accountants
 - iv) Hisham & Co Chartered Accountants (Malaysia) Berhad
9. Memberi kuasa kepada Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar faedah pasaran semasa.
10. Memberi kuasa kepada Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan Koperasi.
11. Melantik 10 orang ahli jawatankuasa untuk menentusah draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50 yang harus terdiri daripada:
Empat (4) - Anggota Lembaga Enam (6) - Perwakilan
12. Menimbangkan usul-usul dan lain-lain perkara di mana notis telah diberikan secara bertulis sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50.

ZULFAKAR WAHIB

Setiausaha

23 Mac 2018

**KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
31 JALAN RIONG, 59100 KUALA LUMPUR. (No. Pendaftaran: 4369)**

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE – 49

TARIKH : 13 Mei 2017 (16 SYAABAN 1438)

MASA : 8.30 PAGI – 12.30 TENGAHARI

**TEMPAT : AUDITORIUM LEVEL 6
BERJAYA WATERFRONT HOTEL
88, JALAN IBRAHIM SULTAN
STULANG LAUT 80300 JOHOR BAHRU, JOHOR**

HADIR

Pengerusi	: Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani
Setiausaha	: Sdr. Zulfakar Wahib
Bendahari	: Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh
Penolong Setiausaha	: Sdr. Baharuddin Ishak
Penolong Bendahari	: Sdr. Abd Rahim Llin
Anggota Lembaga	: Sdr. M Nasir Ramli
	: Sdr. Khairuzzaman Mohamed
	: Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof
	: Sdr. Salehudin Shah Shabudin
	: Puan Junaidah Harun
	: Sdr. Mohamad Anis Abdullah
	: Sdr. Kamarulzaman Pid
Perwakilan	: 36 orang

TURUT HADIR

En. Mohd Mekah Hassan	: Penolong Pengarah ,Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan
Pengurus Kakitangan	: Sdr. Ridzwan Ahmad : 9 orang

TIDAK HADIR

Perwakilan	: 3 orang
------------	-----------

KATA ALU-ALUAN PENGACARA MAJLIS

Puan Azlina Ibrahim (n.a 6656) selaku pengacara majlis mengalu-alukan kedatangan semua perwakilan dan Encik Mohd Mekah Hassan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-49 yang berlangsung di Berjaya Waterfront Hotel, Johor Bahru, Johor.

BACAAN DOA SELAMAT

Sebelum mesyuarat dimulakan, Sdr. Mohd Fakhri Abdul Koles (n.a 10044) membacakan doa selamat.

LAGU NEGARAKU, KECEMERLANGAN KOPERASI DAN SINAR KOPERASI

Semua perwakilan, kakitangan dan tetamu yang hadir berdiri untuk menyanyikan lagu Negaraku, Kecemerlangan Koperasi dan Sinar Koperasi.

UCAPAN PENGERUSI KOPERASI

Pengerusi Koperasi Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) mengalu-alukan kehadiran En. Mohd Mekah Hassan, Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, semua perwakilan dan kakitangan koperasi.

Petikan daripada ucapan Pengerusi :

Terlebih dahulu saya amat berbesar hati kerana Encik Mohd Mekah Hassan, Penolong Pengarah SKM dapat meluangkan masa untuk hadir bersama-sama mesyuarat agung ini.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia maka kita sekali lagi dapat bersama-sama menghadirkan diri di Johor Bahru ini untuk menjalankan tanggungjawab kita bagi menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-49 ini.

Dari segi perbelanjaan didapati meningkat sebanyak 7% berbanding 2015 di mana peningkatan dari perbelanjaan kakitangan dan juga kos-kos guaman untuk pembiayaan pembelian aset dan bangunan.

Manakala keuntungan bersih adalah berjumlah 1.275 juta untuk tahun 2016 dan ahli lembaga KNSTP mencadangkan dividen sebanyak 5% untuk diagihkan pada ahli-ahli semua. Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih saya kepada Anggota Lembaga yang telah bekerja bersama-sama saya dan sentiasa memberi komitmen yang tinggi, tanpa mengira waktu dan sentiasa bersedia setiap masa.

Terima kasih pada Encik Zulfakar, sebagai Setiausaha, Encik Ahmad Shukran, Bendahari; Encik Abd Rahim Penolong Bendahari; Encik Baharuddin Penolong Setiausaha; Encik Mohamad Anis, Encik Mohamad Wafi, Tuan Hj Nasir, Encik Salehuddin Shah, Encik Kamaruzaman Pid, Encik Khairuzzaman dan Puan Junaidah.

Begitu juga dengan 17 orang kakitangan koperasi yang diketuai oleh pengurus kanan Puan . Rodziah. Terima kasih semua.

Pada tahun 2016 juga KNSTP telah kehilangan ahli seramai 172 orang dengan penutupan operasi di Senai dan Ajil dan ini merupakan satu cabaran yang getir yang harus diterima oleh koperasi. Kita semua tahu bahawa ahli-ahli merupakan aset yang penting untuk koperasi.

Koperasi akan mencapai matlamatnya apabila setiap anggota mengetahui tanggungjawab masing-masing iaitu menjadi anggota yang aktif. Anggota yang aktif adalah anggota yang menyumbang dalam setiap aktiviti yang dijalankan koperasi. Bagi merealisasikan tanggungjawab ini setiap anggota perlu melengkapkan diri dengan ilmu berkoperasi .Di dalam koperasi, kepentingan kumpulan perlu didahulukan berbanding kepentingan individu. Kepada bekas kakitangan Senai dan Ajil kami Anggota Lembaga mengalu alukan kehadiran tuan-tuan semua untuk menyambung keahlian tuan tuan.

Tahun 2017 ini dilihat sebagai tahun yang lebih mencabar berbanding tahun 2016. Dilihat pada faktor ekonomi yang tidak menentu dan dijangka sukar, Anggota Lembaga KNSTP mengambil langkah berhati-hati di dalam meningkatkan aktiviti-aktiviti yang diceburi.

KNSTP akan lebih fokus di dalam memantapkan lagi tadbir urus pengurusan bagi memastikan operasi KNSTP berjalan lancar dan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Pengalaman menguruskan perniagaan Ar-Rahnu akan dimantapkan lagi dengan pembukaan sebuah cawangan di Bukit Mahkota Bangi dengan kerjasama RMS, Bank Rakyat.

Pada tahun ini juga Insyaallah, dua aset KNSTP iaitu kondominium Nadi Bangsar dan bangunan kedai di Saville Kajang akan siap sepenuhnya dan tiba masanya untuk KNSTP menjana pendapatan dari aset-aset tersebut.

Pada tahun ini juga, ANGKASA Pusat akan menjadi tuan rumah untuk persidangan koperasi Asia di Sunway. KNSTP tidak ketinggalan untuk bekerjasama dengan ANGKASA untuk merebut peluang dari segi promosi, pengiklanan dan juga aktiviti-aktiviti acara.

Pada tahun ini KNSTP telah mencapai usia 50 tahun penubuhannya. Alhamdulillah, berkat usaha kita bersama, tuan-tuan sebagai perwakilan dan ahli-ahli yang lain, KNSTP masih mantap hingga ke usia tersebut dan saya bersyukur sebagai ahli KNSTP, saya dapat menikmati faedahnya menjadi ahli KNSTP. Sama-sama kita berdoa semoga kesejahteraan KNSTP ini akan terus berkekalan dan terus maju.

Maju Koperasi Anggota Bahagia.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan kali ini, seperti kebiasaannya ¼ Anggota Lembaga wajib mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir. Terdapat 7 pencalonan pada tahun ini untuk bertanding jawatan tersebut seperti termaktub dalam fasal 36 UUK. Menjadi tanggungjawab para perwakilan semua pada hari ini untuk mengundi dan memilih Anggota Lembaga yang akan menerajui KNSTP meneruskan wadahnya mengikut landasan yang ditetapkan. Pada perwakilan semua selamat mengundi.

Akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Wilayah Persekutuan di atas kerjasama yang diberikan. Begitu juga dengan para perwakilan KNSTP yang hadir pada hari ini. Tidak lupa pada pentadbiran dan kakitangan KNSTP yang telah merancang Mesyuarat Agung Tahunan ini dengan jayanya. Terima kasih.

UCAPAN PENOLONG PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN

Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan, Encik Mohd Mekah Hassan mengucapkan tahniah kepada koperasi atas pencapaian keuntungan dan kepelbagaiannya aktiviti.

Petikan daripada ucapan Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan:

Terlebih dahulu, saya berterima kasih kepada pengurusan KNSTP kerana memberi peluang saya untuk hadir.

Apa yang penting untuk disampaikan adalah perwakilan perlu memahami konsep dan definisi koperasi iaitu bekerja bersama-sama, mencapai tujuan bersama-sama, mengambil tanggung-jawab bersama-sama dan mengambil bahagian bersama-sama dari segi sosio-ekonomi. Sebab koperasi yang gagal adalah berlaku pergaduhan antara lembaga dengan lembaga, lembaga dengan anggota dan yang akan rugi adalah anggota.

Kedua, Koperasi tidak digalakkan buka anak syarikat yang banyak. Contohnya ada koperasi yang membuka 35 anak syarikat tapi akhirnya semua ditutup dan merugikan koperasi berkenaan.

Ketiga, koperasi mesti ada tanah dan koperasi ada tanah akan berjaya. Contohnya Koperasi Serbaguna Malaysia mempunyai 23 ribu ekar di Sarawak dengan tanaman kelapa sawit. Cara membangunkan tanah dengan cara menjual lot tanah kepada ahli dan ahli melabur dalam tanah berikut. Contoh lain adalah Koperasi Tunas Muda yang pada mulanya kerajaan Pulau Pinang memberi tanah dan apabila kerajaan mengambil balik tanah itu kembali , koperasi menjual balik dan mendapat modal.

Ada koperasi memberi pinjaman tanpa caj tetapi oleh kerana mempunyai aset yang banyak seperti tanah dan hanya mengambil keuntungan dari perniagaan dari tanah ini. Selain dari itu bila ada tanah, boleh dicagarkan untuk membuat pembiayaan.

Seterusnya, koperasi perlu mempunyai satu produk di mana produk tersebut hanya terdapat di koperasi berkenaan dan tidak di tempat lain. Begitu juga dengan perniagaan Ar-Rahnu, merupakan perniagaan yang menguntungkan.

Selain dari itu, untuk menjalankan satu perniagaan, sekurang-kurangnya salah seorang lembaga mesti mahir dalam bidang berkenaan. Contohnya sekiranya koperasi ingin menjalankan perniagaan ayam, seorang ahli lembaga mesti mahir dalam bidang ternakan ayam.

Sekiranya koperasi tidak cukup modal bila ingin melakukan perniagaan, cara mengumpul dana adalah menerusi Tabung Kumpulan modal bagi mengumpul dan untuk menjalankan perniagaan berkenaan. Contohnya, sekiranya ingin membuka Ar-Rahnu atau membeli bangunan untuk sewaan, dana boleh dikumpulkan dari ahli sendiri. Walaubagaimanapun, kelulusan mengadakan tabungan ini perlu mendapat kelulusan mesyuarat agung.

Selain ahli lembaga dan ahli-ahli bekerjasama antara satu sama lain bagi kejayaan koperasi, cara lain koperasi boleh dimajukan adalah dengan mengadakan kerjasama dengan Koperasi lain. Contohnya koperasi-koperasi membeli bangunan di tempat yang sama dan menjalankan aktiviti sesama sendiri dan apabila ingin melakukan perniagaan boleh dilaksanakan secara dekat bila memerlukan perkhidmatan sesama sendiri.

Koperasi juga perlu mengelakkan membeli harta tanah atau bangunan yang tidak strategik dan kurang berpotensi.

PEMILIHAN PENGERUSI MESYUARAT

Puan Azlina Ibrahim (n.a 6656) merujuk kepada UUK Fasal 34(1), di mana iaanya menyatakan bahawa “*Pengerusi Koperasi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan dan sekiranya pengerusi tidak hadir, anggota lembaga yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung tersebut.*” Oleh kerana, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456), Pengerusi Koperasi NSTP hadir, maka beliau akan mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-49 ini.

KENYATAAN KORUM

Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) selaku pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa menurut Undang-undang Kecil Koperasi (UUK) Fasal 30(1) “*Korum mesyuarat agung perwakilan yang diperlukan adalah satu pertiga dari jumlah perwakilan*”. Keseluruhan jumlah adalah seramai lima puluh satu (51) orang. Maka, satu pertiga lima puluh satu (51) orang adalah tujuh belas (17) orang. Kehadiran pada hari ini adalah empat puluh lapan (48) orang di mana melebihi dari korum yang diperlukan. Oleh itu, mesyuarat ini boleh dijalankan.

SEMAKAN LAPORAN YANG DITERIMA

Pengerusi meminta perwakilan memastikan mempunyai Laporan Tahunan 2016, buku lampiran dan kupon undi.

PEMILIHAN PENCATAT MINIT

Bagi memenuhi tatacara mesyuarat, beliau memohon cadangan bagi pemilihan dua pencatat minit.

Beliau mencadangkan dua pencatat minit adalah Sdr. Ridzwan Ahmad (n.a 6826) dan Puan Salwa Badaruddin (n.a 6605) serta diselia oleh Sdr. Zulfakar Wahib (n.a 3220), Setiausaha Koperasi NSTP (M) Berhad.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan Pengerusi .

Dengan pelantikan pengerusi mesyuarat dan pemilihan dua pencatat minit, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-49 dimulakan.

DIBENTANG DAN DIBINCANGKAN

AGENDA 1 : MENGE SAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE- 48

Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-48. (Rujuk Laporan Tahunan 2016 muka surat 14 – 37). Beliau memaklumkan bahawa minit ini telah disahkan oleh penentusah minit yang telah dilantik.

Keputusan : Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-48 disahkan dengan cadangan oleh Pn. Dauza Umat (n.a 4886) dan disokong oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968).

**AGENDA2 : PEMILIHAN
EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TAMAT TEMPOH
JAWATAN**

Pengerusi memaklumkan bahawa Anggota Lembaga yang telah tamat tempoh jawatan mengikut Undang-Undang Kecil 37 Fasal (1) pada tahun ini adalah seperti berikut:-

- | | |
|---------------------------------|------------|
| 1. Sdr. Zulfakar Wahib | (n.a 3220) |
| 2. Puan Junaidah Harun | (n.a 5996) |
| 3. Sdr. Salehudin Shah Shabudin | (n.a 4488) |
| 4. Sdr. Abdul Rahim Llin | (n.a 5261) |

PEMILIHAN EMPAT (4) PENGIRA UNDI

Sebelum memulakan agenda ini, Setiausaha mencadangkan supaya Ahli Jawatankuasa Pengira Undi adalah seperti berikut :-

- | | |
|--------------------------------|-------------|
| Seliaan: Sdr. M.Nasir Ramli | (n.a 4030) |
| Sdr. Mohamad Anis Abdullah | (n.a 6619) |
| Sdr. Mohd Saqairi Hassan | (n.a 6875) |
| Ketua : Puan Zuliza Jumai | (n.a 8338) |
| AJK : Puan Azlina Ibrahim | (n.a 6656) |
| : Sdri. Nor Amiza Azizi | (n.a 9229) |
| : Sdr. Mohd Fakhri Abdul Koles | (n.a 10044) |

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan.

SENARAI CALON UNTUK JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA

Setiausaha memaklumkan bahawa koperasi telah menerima tujuh (7) pencalonan untuk jawatan Anggota Lembaga iaitu:-

- | | |
|---------------------------------|------------|
| 1. Sdr. Zulfakar Wahib | (n.a 3220) |
| 2. Puan Junaidah Harun | (n.a 5996) |
| 3. Sdr. Salehudin Shah Shabudin | (n.a 4488) |
| 4. Sdr. Zainal Abas | (n.a 8735) |
| 5. Puan Dauza Umat | (n.a 4886) |
| 6. Sdr. Shariff Ibrahim | (n.a 2241) |
| 7. Sdr. Abdul Rahim Llin | (n.a 5261) |

Semua calon di atas telah diberi peluang selama dua (2) minit untuk memperkenalkan diri dan menyatakan wawasan mereka untuk koperasi.

PROSES PENGUNDIAN DIJALANKAN

Sdr. Ridzwan Ahmad (n.a 6826) menerangkan tentang prosedur pengundian kepada semua perwakilan di mana setiap perwakilan perlu beratur dan menyerahkan kupon undi untuk ditukarkan kepada borang undi melalui AJK Pengira Undi yang telah dilantik. Pembuangan undi akan dilakukan di meja yang telah ditetapkan sahaja. Mesyuarat diteruskan sementara proses pengiraan undian dijalankan.

KEPUTUSAN UNDIAN

Pengerusi mengumumkan keputusan undian bagi empat calon yang berjaya mendapat undian tertinggi adalah seperti berikut :-

- | | | |
|---------------------------------|------------|-----------|
| 1. Sdr. Zulfakar Wahib | (n.a 3220) | 30 undian |
| 2. Sdr. Salehudin Shah Shabudin | (n.a 4488) | 29 undian |
| 3. Sdr. Abdul Rahim Llin | (n.a 5261) | 25 undian |
| 4. Puan Dauza Umat | (n.a 4886) | 23 undian |

Keputusan : Berdasarkan undian tersebut, keempat-empat anggota lembaga di atas dilantik bagi sesi 2017/2020.

BACAAN IKRAR

Keempat-empat Anggota Lembaga bagi sesi 2017/2020 yang dilantik bersama-sama dengan anggota lembaga yang lain membaca ikrar di hadapan semua perwakilan diakhiri mesyuarat.

AGENDA 3 : MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN-LAPORAN

A) LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2016

Pengerusi membentangkan Laporan Lembaga Bagi Tahun 2016. Laporan ini termasuk Laporan Jawatankuasa Kecil yang terdiri daripada :-

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran & Sumber Manusia
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart
- c) Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan & Pelaburan
- d) Jawatankuasa Ar-Rahnu
- e) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi
- f) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko

Rujuk Laporan Tahunan 2016 (muka surat 39-62).

Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) merujuk kepada laporan Kutipan dan Litigasi berkenaan dengan perbezaan jumlah kutipan bersih dan jumlah kutipan kasar dimana ianya terdapat perbezaan lebih RM 200,000.00

Pengerusi menjelaskan perbezaan itu adalah disebabkan jumlah kutipan kasar 2015 adalah termasuk kutipan diperolehi dari anggota iaitu kontra dengan Tabung Perlindungan Pinjaman dan Anggota yang meninggalkan Simpanan Khas

Sdr. Zainal Abas (n.a 8735) merujuk kepada laporan berkenaan, adakah tiada kerjasama syarikat berkenaan potongan gaji penjamin.

Pengerusi memaklumkan untuk potongan ini bagi pihak pengurusan memerlukan borang kebenaran dahulu dari anggota, baru pihak syarikat membuat potongan.

Sdr. Zainal Abas (n.a 8735) juga bertanya berkenaan dengan Media Travel, beliau memohon penerangan berkenaan dengan pengurusan kewangan dan pentadbiran yang kurang cekap.

Pengerusi menjelaskan pada permulaannya pihak koperasi tiada pengalaman dalam menguruskan anak syarikat sebegini. Namun begitu, pihak koperasi telah melaksanakan tindakan dengan meminta saranan SKM dalam pengurusan anak syarikat ini dan melantik Juruaudit Bertauliah untuk memperbaiki kelemahan yang sedia ada.

Sdr. Mohamad Yahya (n.a. 6786) merujuk kepada Jadual Tindakan 2016 (mukasurat 56), laporan kutipan dan litigasi berkenaan dengan kategori yang kosong dalam jadual menunjukkan tindakan yang dibuat

Pengerusi memaklumkan sebenarnya kategori itu jadi kosong sebab semua tindakan berkenaan adalah dalam proses tindakan tribunal, potongan penjamin dan lain-lain.

Keputusan : Laporan Lembaga bagi Tahun 2016 telah dibentang, diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Shukor Othman (n.a 2502) dan disokong oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968).

B) LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI SESI 2016/2017

Pengerusi membentangkan laporan di atas. Rujuk Laporan Tahunan 2015 (muka surat 63 – 65),

Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) bertanya kenapa Juruaudit Dalaman tidak memberi komen tentang jumlah pelaburan RM 64,000.00 oleh koperasi dalam Media Travel and Holidays Sdn Bhd.

Pengerusi memaklumkan bahawa Jawatankuasa Juruaudit Dalaman menjalankan siasatan terhadap perkara ini namun kemungkinan skop tidak disenaraikan dalam laporan yang perlu dibentangkan di mesyuarat agung.

Keputusan : Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2016/2017 telah dibentang, diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) dan disokong oleh Sdr. Ahmad Nizam Eusoff (n.a 5660).

C) LAPORAN JURUAUDIT LUAR DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh (n.a 5222) selaku Bendahari Koperasi NSTP membentangkan Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016. Rujuk Laporan Tahunan (muka surat 68 - 110).

PERSOALAN YANG DIKEMUKAKAN

- 1) Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) merujuk kepada Laporan Juruaudit Bebas menyatakan tentang kenapa koperasi hanya mampu memberi dividen sebanyak 5% sahaja dan bukan 5.5%? Pengerusi memaklumkan koperasi tidak dapat memberi dividen lebih memandangkan keuntungan bagi tahun 2016 tidak mencukupi untuk berbuat demikian.

- 2) Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) juga mohon penjelasan bayaran guaman sebanyak RM 74,436.00.
Pengerusi memaklumkan bahawa ianya adalah kos guaman untuk pembelian bangunan koperasi iaitu bangunan Ar-Rahnu Sunway Mentari dan Kedai Pejabat Saville Kajang.
- 3) Sdr Mohd Yusof Din @ Shahudin (n.a 7283) merujuk muka surat 76, mengenai belanja mesyuarat yang meningkat untuk 2016 berbanding dengan 2015.
Pengerusi menjelaskan bahawa perbelanjaan mesyuarat untuk 2016 adalah termasuk dengan belanja mesyuarat kawasan. Untuk tahun 2015 tiada mesyuarat kawasan dibuat.
- 4) Sdr. Zairani Zamri (n.a 5239) merujuk Laporan Tahunan 2016 (muka surat 81), kenapa terdapat ruang kosong diruangan zakat dibayar?
Pengerusi memaklumkan bahawa pembayaran zakat adalah dibuat dari Kumpulan Wang Kebajikan Am, yang dinyatakan di muka surat 97.
- 5) Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) merujuk Laporan Tahunan 2016 muka surat 80, iaitu pelupusan aset adalah untuk apa?
Pengerusi memaklumkan bahawa pelupusan aset itu untuk hapus kira emas palsu di Ar-Rahnu.

Keputusan : Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 yang dibentang, diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Zairani Zamri (n.a 5239) dan disokong oleh Sdr. Mohd Saqairi Hassan (n.a 6875).

D) PANDANGAN KETUA PENDAFTAR KE ATAS AKAUN KOPERASI BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Pengerusi membentangkan Pandangan Ketua Pendaftar ke atas Akaun Koperasi Berakhir 31 Disember 2015. Rujuk Laporan Tahunan 2016(muka surat 66- 67)

Puan Dauza Umat (n.a 4886) bertanya apakah tindakan yang akan dikenakan oleh SKM terhadap pelaburan yang tidak mendapat kelulusan ini dan bagaimana ianya berlaku?

Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Koperasi tidak mengetahui prosidur sebenarnya diperlukan dan terus menjalankan perniagaan ini sementara mendapat kelulusan SKM. Selain itu, pihak SKM juga salah sangka dengan memproses dokumen anak syarikat koperasi Kop Media Sdn Bhd yang sudah ditutup di mana yang sepatutnya diproses adalah Media Travel Tours & Holidays. Encik Mohd Mekah Hassan turut mengesahkan perkara ini. Pengerusi menegaskan bahawa pihak koperasi pada masa akan datang akan lebih berhati-hati agar perkara ini tidak berlaku lagi.

Sdr Mohd Yusof Din@ Shahudin (n.a 7283) bertanya berapakah kompaun yang akan dikenakan terhadap koperasi tentang kesilapan proses pelaburan ini.

Encik Mohd Mekah menyatakan SKM tidak pernah mengenakan kompaun sebelum ini.

Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) meminta Laporan prestasi Media Travel & Holidays Sdn Bhd dibentangkan.

Pengerusi memaklumkan pelaburan dalam Media Travel & Holidays Sdn Bhd adalah pelaburan bukan sebagai anak syarikat, oleh itu dilaporkan sebagai pelaburan sahaja. Laporan prestasi syarikat ini akan dibentangkan dalam laporan tahunan akan datang. Tahun 2016, laporan kewangan menunjukkan kerugian RM113,318.00. Bagi tahun 2017, menunjukkan keuntungan pada setiap bulan disebabkan mendapat sambutan baik dari anak-anak syarikat Media Prima Berhad dan yakin banyak perniagaan akan diperolehi lagi dimasa depan.

Sdr. Shariff Ibrahim (n.a 2241) bertanya kenapa perniagaan Media Travel & Holidays Sdn Bhd diteruskan lagi walaupun Juruaudit Luar melaporkan terdapat kelemahan dalam pengurusan kewangan syarikat ini.

Pengerusi memaklumkan Koperasi sudah melabur sebanyak RM 144,000.00 dan tidak perlu dihentikan.

Sdr. Shariff Ibrahim (n.a 2241) juga menyatakan koperasi tidak membuat "due diligence" sebelum melabur dalam syarikat ini dan terus membeli saham bernilai RM 200,000.00?

Pengerusi menjelaskan bahawa kenaikan RM 200,000.00 adalah mengikut peraturan SSM sebab modal berbayar adalah RM500,000.00 iaitu 40% dari nilai pelaburan koperasi dalam Media Travel & Holidays Sdn Bhd.

Sdr. Shariff Ibrahim (n.a 2241) juga bertanya kenapa perniagaan Media Travel Holidays and Tours belum memperolehi keuntungan?

Pengerusi memaklumkan untuk mendapatkan keuntungan ianya mengambil masa. Sebagai contoh seperti perniagaan Ar-Rahnu yang memerlukan 3 tahun.

Sdr Shukor bin Hj Othman (n.a 2502) mengucapkan tahniah kepada Koperasi atas projek kerjasama aktiviti pelancongan dengan Media Travel & Holidays Sdn Bhd.

Keputusan : Pandangan Ketua Pendaftar Ke Atas Akaun Koperasi 31 Disember 2015 yang dibentang telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) dan disokong oleh Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502).

AGENDA 4 : MELULUSKAN PEMBAYARAN DIVIDEN SEPERTI YANG DISYORKAN OLEH LEMBAGA DI DALAM LAPORAN LEMBAGA

Setiausaha memaklumkan bahawa kadar dividen yang disyorkan adalah lima peratus (5%) iaitu berjumlah RM1,037,761.00.

Keputusan : Pemberian dividen dengan kadar lima peratus (5%) yang disyorkan oleh Lembaga di dalam Laporan Lembaga diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) dan disokong oleh Sdr. Shariff Ibrahim(n.a 2241).

AGENDA 5 :**MENERIMA DAN MELULUSKAN PINDAAN ATURAN SKIM PEMBIAYAAN DAN MELULUSKAN SKIM PEMBIAYAAN PERAYAAN**

Pengerusi membentangkan Pindaan Aturan Skim Pembiayaan dan Skim Pembiayaan Perayaan (Rujuk Buku Lampiran muka surat 1).

Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) bertanya kenapa perlu ada penjamin dalam semua aturan pembiayaan.

Setiausaha memaklumkan ini adalah satu cara bagi memudahkan kutipan pinjaman dibuat dari peminjam yang gagal membuat bayaran. Penjamin juga banyak membantu dengan meminta peminjam membuat bayaran. Dengan cara ini kutipan telah menunjukkan peningkatan dari bulan Januari sehingga Mac 2017.

Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) bertanya kenapa tempoh mendapat pinjaman peribadi memakan masa 1-2 bulan ?

Sdr. Zulfakar Wahib memaklumkan dalam keadaan yang tertentu koperasi terpaksa menunggu bayaran potongan gaji dari syarikat untuk membuat bayaran.

Sdr. Zairani Zamri (n.a 5239) bertanya dalam aturan pembiayaan penjadualan semula kenapa ada penjamin walaupun tiada wang diberikan

Puan Salwa Badarudin (n.a 6605) memaklumkan apabila penjadualan semula dibuat, secara automatik penjamin yang lama terbatal. Ini adalah kerana pinjaman ini dikira sebagai pinjaman baru walaupun peminjam tidak mendapat wang. Tujuan pinjaman ini adalah untuk mengurangkan potongan bulanan anggota.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a.1979) meminta penjelasan setiap anggota boleh menjamin berapa orang peminjam.

Puan Salwa Badarudin (n.a 6605) menerangkan, setiap penjamin tidak boleh ditentukan berapa orang peminjam yang boleh dijamin kerana kelayakan menjadikan penjamin adalah bergantung kepada gaji, caruman dan liabiliti anggota di Koperasi.

Sdr. Visvalingam a/l K. Rajoo (n.a 2470) bertanya adalah Skim Penjadualan Semula termasuk pembiayaan dari Bank Rakyat?

Pengerusi memaklumkan hanyalah untuk pembiayaan koperasi dan tidak termasuk dari Bank Rakyat

Keputusan : Pindaan Aturan Skim Pembiayaan dan Skim Pembiayaan Perayaan yang dibentang telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a.1979) dan disokong oleh Sdr. Mustafa Kamal Jali (n.a 4276).

AGENDA 6 : MENGESAHKAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2018

Pengerusi membentangkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2018 , Rujuk Laporan Tahunan (muka surat 111 - 112).

Keputusan : Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2018 yang dibentang telah diterima dan disahkan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Ahmad Mahmood (n.a 1869).

AGENDA 7 : MELANTIK JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN 2017

Sdr. Shariff Ibrahim (n.a 2241) mencadangkan supaya diberikan hak kepada Anggota Lembaga untuk memutuskan perlantikan Juruaudit Luar Koperasi yang bertauliah bagi tahun 2017.

Sdr. Mustafa Kamal Jali (n.a 4276) menyokong cadangan tersebut.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan tersebut.

AGENDA 8 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MEMINJAM WANG TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DENGAN KADAR FAEDAH PASARAN SEMASA

Keputusan : Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar keuntungan bank semasa telah diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Mustafa Kamal Jali (n.a 4276)

AGENDA 9 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MELABUR TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DARI WANG LEBIHAN KOPERASI

Keputusan : Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan koperasi telah diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Selvarajan a/l Jayaram (n.a 3542) dan disokong oleh Sdr. Khairi Abd Khalid (n.a 8212).

**AGENDA 10 : MELANTIK 10 ORANG JAWATANKUASA UNTUK
MENENTUSAH DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN KE-49 YANG TERDIRI
DARIPADA :-
EMPAT (4) ORANG : ANGGOTA LEMBAGA
ENAM (6) ORANG : PERWAKILAN**

Pengerusi memaklumkan bahawa empat (4) orang Anggota Lembaga sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-49 akan ditentukan oleh Anggota Lembaga.

Pencalonan untuk enam (6) orang perwakilan sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-48 adalah seperti berikut :-

Cadangan Pertama	: Sdr. Mohd Faizal Abdul Azis	(n.a.3371)
Dicadang Oleh	: Sdr. Ahmad Mahmood	(n.a 1869)
Disokong Oleh	: Sdr. Shukor Hj Othman	(n.a 2502)
Cadangan Kedua	: Sdr. Roslan Sunar	(n.a 5675)
Dicadang Oleh	: Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin	(n.a 3822)
Disokong Oleh	: Sdr. Mustafa Kamal Jali	(n.a 4276)
Cadangan Ketiga	: Sdr. Zairani Zamri	(n.a 5239)
Dicadang Oleh	: Sdr. Mohd Redzuan Ab Rahman	(n.a 5234)
Disokong Oleh	: Sdr. Zainal Abas	(n.a 8735)
Cadangan Keempat	: Sdr. Ahmad Nizam Eusoff	(n.a 5660)
Dicadang Oleh	: Puan. Dauza Umat	(n.a 4886)
Disokong Oleh	: Sdr. Roslan Baharuddin	(n.a 1947)
Cadangan Kelima	: Sdr. Khairi Abdul Khalid	(n.a.8212)
Dicadang Oleh	: Sdr. Ahmad Juanda Mohamed Yasir	(n.a 6619)
Disokong Oleh	: Sdr. Mohamad Yazid Yusof	(n.a 9844)
Cadangan Keenam	: Sdr. Khairul Shamsol Osman	(n.a 7402)
Dicadang Oleh	: Sdr. Mustafa Kamal Jali	(n.a 4276)
Disokong Oleh	: Sdr. Roslan Baharuddin	(n.a 1979)

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya cadangan ditutup. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan.

Keputusan : Dengan cadangan di atas, mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menutup pencalonan dan melantik enam (6) orang perwakilan seperti di atas sebagai jawatankuasa menentusah minit Ke-49.

AGENDA 11 :**MENIMBANGKAN USUL DAN LAIN-LAIN PERKARA DI MANA NOTIS TELAH DIBERIKAN SECARA BERTULIS SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM TARikh MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-49**

Setiausaha memaklumkan bahawa koperasi menerima lima belas (15) usul dari perwakilan. Rujuk Buku Lampiran (muka surat 7 - 8)

Mesyuarat menerima ulasan dari Anggota Lembaga dan penjelasan tambahan telah dikemukakan semasa pembentangan usul-usul berikut:-

Usul Ke-7 : Eratkan hubungan baik dengan pihak Jabatan Sumber Manusia

Setiausaha memaklumkan bahawa memang ada hubungan baik dengan Jabatan Sumber Manusia tetapi koperasi juga terpaksa mengikut peraturan-peraturan baru Jabatan Sumber Manusia yang perlu dipatuhi seperti contohnya apabila anggota berhenti bila berlaku segala bentuk pemberhentian seperti, MSS, VSS , diberhentikan atau berhenti biasa, koperasi perlu mengeluarkan surat persetujuan potongan pinjaman (consent letter) yang ditandatangani oleh anggota untuk membenarkan pihak HR membuat potongan dari gaji atau imbuhan yang diterima. Sebelum ini peraturan ini tiada.

Usul Ke-8 : Prosidur mengutip hutang

Setiausaha memaklumkan bahawa koperasi memang ada Prosidur yang lengkap tetapi perlu melihat faktor kos yang terlibat. Contohnya untuk mengambil tindakan senarai hitam anggota, ianya memerlukan perkhidmatan peguam dengan kos yang tinggi. Untuk itu koperasi sentiasa mencari jalan alternatif contohnya seperti melantik beberapa pengutip hutang untuk menjalankan kutipan hutang.

Usul Ke-13 : Zon Selatan dan Zon Timur dikekalkan

Setiausaha memaklumkan bahawa untuk Zon Selatan tinggal 70 anggota yang ada tapi masih layak untuk buat mesyuarat kawasan dan boleh melantik satu perwakilan manakala Zon Timur ada 60 orang tetapi agak sukar untuk dikumpulkan untuk membuat mesyuarat kawasan kerana jarak pejabat masing-masing jauh dan sukar untuk mendapat korum.

Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) merujuk kepada usul beliau pada Mesyuarat Agung ke-48 (Usul ke-20) pada tahun lepas di mana ianya masih lagi belum diputuskan. Usul beliau adalah memohon membahagikan Mesyuarat Agung Kawasan Tengah kepada tiga (3) zon iaitu a) NSTP Bangsar b) NSTP Shah Alam c) Sri Pentas Bandar Utama.

Setiausaha memaklumkan perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga dan telah memutuskan Mesyuarat Agung Kawasan Tengah dikekalkan di NSTP Bangsar.

Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) memberi cadangan agar Mesyuarat Agung Kawasan Tengah dibuat di Sri Pentas. Sebagai contoh pada 2009, pihak koperasi telah mengadakan mesyuarat kawasan di Sri Pentas dan telah berjaya menarik minat staf Media Prima jadi lebih aktif dalam koperasi dan ramai juga menjadi ahli. Dalam masa yang sama, ahli koperasi di Sri Pentas dapat mengenali lebih dekat pengurusan Koperasi NSTP.

Setiausaha mencadangkan agar mesyuarat adalah mengikut giliran iaitu 2 tahun sekali di berlainan tempat iaitu samada di NSTP Bangsar atau di Sri Pentas Bandar Utama atau di NSTP Shah Alam.

Setiausaha memaklumkan lokasi mesyuarat belum diputuskan dan akan dimaklumkan kemudian.

CADANGAN / HAL-HAL LAIN

Sdr. Shukor Hj.Othman (n.a 2502) mencadangkan agar caruman RM 50 ditingkatkan ke RM80.00

Pengerusi memaklumkan akan mempertimbangkan cadangan ini.

Sdr. Mohd Jamli Zainal Abidin (n.a 3822) mencadangkan berikut:-

1. Elaun kehadiran mesyuarat kawasan dari RM30 ditingkatkan ke RM100 sebagai menggalakkan anggota lebih ramai hadir mesyuarat kawasan.
Pengerusi memaklumkan akan dipertimbangkan dan bergantung kepada status kewangan.
2. Promosi keahlian dipertingkatkan dan mencadangkan ada satu pejabat koperasi di Sri Pentas
Pengerusi memaklumkan pejabat koperasi telah cuba diadakan tetapi ada kekangan tempat tapi akan diusahakan lagi.
3. Insurans motor dibuat secara online di mana anggota tidak perlu ke pejabat Koperasi di Bangsar.
Puan Salwa Badaruddin (n.a 6605) memaklumkan memang sekarang koperasi ada laksanakan secara online dan cukai jalan dihantar terus ke pejabat.
4. Anggota yang membuat Insurans motor di koperasi diberi rebat.
Pengerusi memaklumkan buat masa ini komisen yang diperolehi adalah pendapatan koperasi dan diberi balik kepada anggota secara tidak langsung menerusi dividen. Perkara ini perlu dikaji dahulu dengan melihat prestasi pendapatan koperasi.

Sdr. Khairul Shamsol Osman (n.a 7402) mencadangkan koperasi memberikan cenderahati sempena 50 tahun koperasi selain dari kad Touch &Go.

Setiausaha memaklumkan kos untuk cenderahati sebelum adalah RM15.00 tetapi untuk kad Touch & Go ini kos adalah lebih tinggi. Bagaimanapun perkara ini akan dibincangkan kembali dalam mesyuarat lembaga nanti.

Sdr. Zainudin Abu Khair (n.a. 1947) mencadangkan seperti berikut:-

1. Adakan Insuran Hospital dan Pembedahan berkelompok bagi menampung insurans syarikat yang sedia-ada.
Pengerusi menjelaskan Insurans sebegini memang telah dipromosikan tahun lepas tetapi tiada sambutan dan akan dipertimbangkan untuk dijalankan semula.
2. Tingkat kempen dan promosi Insurans.
Pengerusi memaklumkan kempen akan ditingkatkan
3. Adakan portal perniagaan secara online.
Pengerusi memaklumkan portal dalam proses perancangan.

Sdr.Mohd Saqairi Hassan (6875) mencadangkan diwujudkan kembali promosi baucer RM 50 mencari ahli baru semasa mesyuarat kawasan diadakan.

Pengerusi memaklumkan bahawa ianya sedang dilaksanakan menerusi pemberian baucer Coop Mart RM 10 dan bagi cadangan tersebut akan dibincangkan.

Sdr. Zainal Abas (n.a 8735) mencadangkan selain dari pelaburan dibuat koperasi memberi pembiayaan untuk kebajikan.

Pengerusi memaklumkan bahawa pemberian pembiayaan adalah perniagaan dan bukan kebajikan. Walaubagaimanapun faktor kebajikan anggota juga dilaksanakan.

Sdr. Roslan Sunar (n.a 5675) mencadangkan agar tempat Mesyuarat Agung akan datang dibuat di hotel-hotel milik koperasi-koperasi disamping mendapat kerjasama perniagaan dengan mereka.
Pengerusi memaklumkan cadangan ini akan dipertimbangkan.

PENUTUP

Sebelum mengakhiri mesyuarat, pengerusi sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada :-

EN. MOHD MEKAH BIN HASSAN, Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan,
KAMALZAHARI & CO (Juruaudit Luar Koperasi)
di atas jasa baik dan nasihat yang diberikan.

PENGURUSAN KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BHD,
THE NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BHD,
MEDIA PRIMA BHD,
SUNLIFE MALAYSIA ASSURANCE BHD
ALLIANZ GENERAL INSURANCE COMPANY (M) BHD dan
MALAY MAIL SDN BHD
yang telah memberi sokongan, bantuan dan kerjasama yang berterusan.

Semua **ANGGOTA,**
ANGGOTA LEMBAGA,
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
PERWAKILAN DAN
KAKITANGAN KOPERASI
serta orang perseorangan yang telah memberi khidmat dan kerjasama.

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-49 ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari.

DISEDIAKAN OLEH



RIDZWAN AHMAD
Pencatat Minit
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-49







SALWA BABARUDDIN
Pencatat Minit
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-49

DISEMAK OLEH :
















ZULFAKAR WAHIB
Setiausaha
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-49

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-49, yang diadakan pada hari Sabtu, 13 Mei 2017 mulai jam 8.30 pagi di Auditorium Level 6, Berjaya Waterfront Hotel, 88, Jalan Ibrahim Sultan, Stulang Laut, 80300 Johor Bahru, telah disemak dan ditentusahkan betul oleh Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit di mesyuarat yang diadakan pada 10 Jun 2017 jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Koperasi NSTP (M) Berhad, Tingkat 1, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

BIL	NAMA	JAWATAN	NO. ANGGOTA	TANDATANGAN
1.	Mohd Fadzil Abdul Ghani	Pengerusi	6456	
2.	Ahmad Shukran Mohamed Salleh	Bendahari	5222	
3.	Baharuddin Ishak	Pen. Setiausaha	6514	
4.	Abdul Rahim Llin	Pen. Bendahari	5261	
5.	Mohd Faizal Abdul Azis	Perwakilan	3371	
6.	Roslan Sunar	Perwakilan	5675	
7.	Zairani Zamri	Perwakilan	5239	
8.	Ahmad Nizam Eusoff	Perwakilan	5660	
9.	Khairi Abdul Khalid	Perwakilan	8212	
10.	Khairul Shamsol Osman	Perwakilan	7402	

SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-49
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
TEMPAT : BERJAYA WATERFRONT HOTEL, JOHOR BAHRU, JOHOR
TARIKH : 13 MEI 2017
MASA : 9.00 PAGI

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
ANGGOTA LEMBAGA			
1	Mohd Fadzil Abdul Ghani	6456	
2	Zulfakar Wahib	3220	
3	Ahmad Shukran Mohamed Salleh	5222	
4	Abdul Rahim Llin	5261	
5	Baharuddin Ishak	6514	
6	Junaideah Harun	5996	
7	M Nasir Ramli	4030	
8	Khairuzzaman Hj Mohamad	4915	
9	Salehudin Shah Shabudin	4488	
10	Mohamad Wafi Mohamad Arof	8485	
11	Kamarulzaman Bin Pid	5935	
12	Mohammad Anis Abdullah	6619	
PERWAKILAN			
13	Ahmad Juanda Bin Mohamed Yasir	6687	
14	Ahmad Mahmood	1869	
15	Ahmad Nizam Bin Eusoff	5660	
16	Aniazurah Bt Hashim	5694	
17	Ganesan Vellaisamy	8450	
18	Hashim Bin Kamaruddin	3339	
19	Jurai Bin Juwahir	8220	
20	Kamarulzaman Bin Mohd Salleh	8771	
21	Khairi Abdul Khalid	8212	
22	Khairul Shamsol Osman	7402	
23	Mohamad Bin Yahya	6786	

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
24	Mohammad Yazid Bin Yusof	9844	
25	Mohd Faizal Abdul Azis	3371	
26	Mohd Fauzi Bin Abu	8143	
27	Mohd Hidzir Bin Md Ismail	4995	
28	Mohd Jamli Bin Zainal Abidin	3822	
29	Mohd Yusof Din @ Shahudin	7283	
30	Mohd Zaidi Bin Musa	3612	
31	Mustafa Kamal Jali	4276	
32	Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh	8176	
33	Roslan Baharuddin	1979	
34	Roslan Bin Sunar	5675	
35	Saravanan a/l Arumugam	6064	
36	Selvarajan a/l Jayaram	3542	
37	Shukor Hj. Othman	2502	
38	Visvalingam a/l Rajoo	2470	
39	Zainal Abas	8735	
40	Zainuddin Bin Abu Khair	1947	
41	Zaiponizam Bin Hamzah	5968	
42	Zairani B Zamri	5239	
43	Zulkharnain B Abdul Rasid	5772	
TURUT HADIR			
JAWATANKUASA AUDIT DALAM			
44	Shariff Ibrahim	2241	
45	Dauza Umat	4886	
46	Mohd Redzuan B Ab Rahman	5234	
47	Mohd Saqairi Hassan	6875	
48	Zolkefli Hamzah	3953	

WAKIL SKM

	Mohd Mekah B Hassan		
--	---------------------	--	---

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
	KAKITANGAN		
50	Ridzwan Ahmad	6826	
51	Salwa Badaruddin	6615	
52	Azlina Ibrahim	6656	
53	Zuliza Jumai	8338	
54	Nor Amiza Azizi	9229	
55	Mohd Nazri Johari	8986	
56	Nor Khairina Leela Nasaruddin	10042	
57	Muhammad Putra Idzreen Mat Salihin	10043	
59	Mohd Fakhri Abdul Koles	10044	

LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2017

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua anggota. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya dengan sukacitanya, membentangkan Laporan Tahunan dan Kewangan Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

UCAPAN PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif The NSTP (M) Berhad atas sokongan yang telah beliau berikan kepada koperasi. Penghargaan yang serupa juga ingin saya rakamkan kepada Pn Nur Zayyani Mat Deris, Penolong Pengarah Kanan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan dan pihak pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Sunlife Malaysia Assurance Berhad, Allianz General Insurance Company Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd dan Media Travel & Holidays Sdn Bhd yang telah banyak memberi dorongan kepada Koperasi NSTP sehingga dapat bergerak dengan teratur dan sempurna serta mendapat keyakinan semua pihak.

PENGURUSAN KOPERASI NSTP

Pengurusan Koperasi NSTP (M) Berhad terdiri daripada dua belas (12) anggota lembaga dan lapan belas (18) kakitangan. Koperasi NSTP menjalankan aktiviti iaitu pembiayaan kepada anggota, skim perlindungan anggota dan keluarga, insurans am, kedai runcit, pajak gadai Islam (Ar-Rahnu X'Change), sewaan kedai pejabat dan pengurusan acara.

Bagi tujuan melancarkan operasi, memastikan prestasi koperasi meningkat dari masa ke semasa disamping mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Peraturan, pengurusan Koperasi NSTP terbahagi kepada enam (6) Jawatankuasa Kecil seperti berikut :-

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran & Sumber Manusia
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart
- c) Jawatankuasa Pemasaran & Pelaburan
- d) Jawatankuasa Ar-Rahnu
- e) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi
- f) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko

Laporan Jawatankuasa Kecil adalah seperti di muka surat berikutnya.

Kakitangan Koperasi NSTP turut terbahagi kepada enam (6) unit utama iaitu :-

- a) Unit Kewangan, Pentadbiran & Sumber Manusia
- b) Unit Operasi (Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart)
- c) Unit Pelaburan Hartanah & Pengurusan Acara
- d) Unit Pemasaran & Komunikasi
- e) Unit Ar-Rahnu
- f) Unit Litigasi & Pengurusan Risiko

PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2017 & PEMBAHAGIAN BERKANUN

Sila rujuk Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017.

MESYUARAT AGUNG KAWASAN

Mesyuarat Agung Kawasan telah diadakan di antara Februari dan Mac 2018 di setiap zon bagi tujuan pemilihan perwakilan untuk hadir Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-50 & Ke-51. Butiran tarikh dan tempat adalah seperti di Lampiran A.

Senarai perwakilan yang dipilih adalah seperti di Lampiran B.

KEHADIRAN MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
 (Januari 2017 sehingga Disember 2017)

Bagi tahun 2017, anggota lembaga telah bermesyuarat sebanyak 13 kali. Kehadiran mesyuarat setiap anggota lembaga adalah seperti berikut : -

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	13	13	-	100%
Zulfakar Wahib	13	13	-	100%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	13	11	2	85%
Baharuddin Ishak	13	12	1	92%
Abdul Rahim Llin	13	12	1	92%
M. Nasir Ramli	13	12	1	92%
Khairuzzaman Mohammad	13	11	2	85%
Salehudin Shah Shabudin	13	13	-	100%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	13	12	1	92%
Kamarulzaman Pid	13	10	3	77%
Mohamad Anis Abdullah	13	12	1	92%
Dauza Umat	8	8	-	100%
Junaidah Harun	5	5	-	100%

KEHADIRAN MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA KECIL KOPERASI
 (Januari 2017 sehingga Disember 2017)

Setiap anggota lembaga akan menganggotai dua Jawatankuasa Kecil. Bagi tujuan membincangkan aktiviti, isu semasa dan perkara-perkara berkaitan dengan fungsi jawatankuasa masing-masing, Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kecil akan diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Kehadiran ahli jawatankuasa kecil adalah seperti berikut :-

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	24	24	-	100%
Zulfakar Wahib	24	24	-	100%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	24	21	3	87%
Baharuddin Ishak	24	19	5	79%
Abdul Rahim Llin	24	24	-	100%
M. Nasir Ramli	24	22	2	92%
Khairuzzaman Mohammad	24	23	1	96%
Salehudin Shah Shabudin	24	21	3	87%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	24	22	2	92%
Kamarulzaman Pid	24	24	-	100%
Mohamad Anis Abdullah	24	20	4	83%
Dauza Umat	14	14	-	100%
Kamarulzaman Salleh	12	10	2	83%
Junaidah Harun	9	9	-	100%

Atas kehadiran dan tanggungjawab setiap Anggota Lembaga, Ahli Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik, koperasi telah memberikan elauan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Skim Perkhidmatan Anggota Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalam Bab 7 : Elauan. *Sila rujuk Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2017.*

PENUTUP

Kita sangat bersyukur di atas kejayaan yang dicapai. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya ingin memberi keyakinan bahawa segala usaha akan dipertingkatkan lagi bagi memastikan keupayaan Koperasi NSTP dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang. Pihak Anggota Lembaga akan memastikan segala dasar, strategi dan usaha yang dirancang adalah bertepatan dengan kehendak Akta Koperasi dan juga seimbang dengan kehendak anggota.

Saya yakin dengan sokongan dari semua anggota, Anggota Lembaga dan pihak pengurusan serta kakitangan, Koperasi NSTP akan dapat mencapai matlamat ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada anggota Koperasi, Yang Dipertua Koperasi, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Audit Dalaman, Juruaudit Luar, Wakil-wakil Koperasi, pihak pengurusan dan kakitangan koperasi yang telah memberi kerjasama, bimbingan dan sokongan kepada Koperasi sepanjang tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD



MOHD FADZIL ABDUL GHANI
Pengerusi

**LAPORAN JAWATANKUASA KECIL
KEWANGAN, PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA BAGI TAHUN 2017**



Duduk dari Kanan

Pn. Salwa Badaruddin (Ahli JKK), Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh (Pengerusi JKK)
& Pn. Nor Amiza Azizi (Ahli JKK)

Berdiri dari Kanan

Sdr. Kamarulzaman Pid (Ahli JKK), Sdr. Khairuzzaman Mohamed (Ahli JKK) &
Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof (Ahli JKK)

OBJEKTIF :

1. Memastikan modal pusingan mencukupi bagi tujuan aktiviti perniagaan koperasi.
2. Memelihara kedudukan koperasi supaya sentiasa meningkat dari masa ke semasa.
3. Memberi sokongan pendidikan kepada anggota dan pengurusan koperasi bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.
4. Memaksimumkan sumber-sumber koperasi sama ada sumber manusia maupun kemudahan yang ada.
5. Mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan untuk memastikan dividen yang diberikan kepada anggota adalah peratusan yang terbaik.

LAPORAN BAGI TAHUN 2017

1) KEWANGAN

Pada tahun 2017, pihak Koperasi NSTP hanya menggunakan modal pusingan sedia ada bagi tujuan aktiviti pembiayaan kepada anggota dan aktiviti-aktiviti lain seperti pajak gadai Islam (Ar-Rahnu X'Change).

Dengan melaksanakan perbelanjaan berhemah, setiap perbelanjaan akan disaring terlebih dahulu keperluannya. JKK amat berbangga memaklumkan bahawa keseluruhan perbelanjaan menurun sebanyak 2.18% berbanding tahun 2016. JKK berharap prestasi ini dapat diteruskan pada tahun 2018.

2) PENTADBIRAN

BELIAN ASET

Dalam usaha melancarkan proses kerja dan meningkatkan perkhidmatan, Koperasi telah membeli aset tetap seperti berikut :-

BIL	TARIKH BELI	BUTIRAN ASET	JUMLAH (RM)
Peralatan dan Perisian Komputer			
1.	17/02/2017	Hp Slimline 270-p003d (3 unit)	5,541.51
2.	28/04/2017	Meja Bilik Mesyuarat	4,074.00
3.	03/05/2017	Bay Mobile Compactor (2 unit)	8,550.00
4.	03/07/2017	Kamera Canon 7D	4,222.35
5.	10/08/2017	Air Conditionning Wall Mounted 2.0 Hp	3,572.00
6.	28/09/2017	Telefon Bimbit Huawei & ZTE A520 (2 unit)	1,453.72
		JUMLAH	27,413.58

BANGUNAN

Koperasi telah membeli kedai pejabat 3 tingkat di Bandar Seri Putera pada 26 September 2017 dengan harga RM1,320,000.00. Kos pembelian bangunan adalah melalui pembelian dari Maybank Islamic Berhad. Tujuan pembelian adalah pembukaan cawangan kedua Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP.

Kondominium milik Koperasi NSTP di Nadi Bangsar telah siap pada Januari 2018. Sebelum disewakan, ubahsuai telah dilaksanakan bagi tujuan memberi keselesaan kepada penyewa.

Berikut adalah butiran pengeluaran kos yang terlibat :-

BIL	TARIKH	BUTIRAN	JUMLAH(RM)
1.	08/09/2017	Deposit pembelian kedai pejabat Bandar Seri Putera	198,000.00
2.	16/11/2017	Ubahsuai – Nadi Bangsar	33,418.60
		JUMLAH	231,418.60

PROSIDUR KAWALAN TRANSAKSI ANGGOTA LEMBAGA & KAKITANGAN

Pengurusan telah menyediakan Prosidur Kawalan Transaksi Anggota Lembaga & Kakitangan sebagai panduan. Tujuan prosidur adalah untuk mengawal transaksi yang melibatkan kepentingan pihak dalam koperasi secara peribadi dan situasi yang mempunyai percanggahan kepentingan sebagaimana yang ditetapkan dalam GP 27 : *Garis Panduan Tadbir Urus Koperasi (g) Menetapkan Prosidur bagi mengelak amalan layan diri dan percanggahan kepentingan.*

3) SUMBER MANUSIA

KAKITANGAN

Koperasi telah melantik seorang kakitangan pada Ogos 2017 bagi melancarkan operasi Koperasi supaya lebih efisien iaitu Sdri. Nur Azian binti A'arip dengan status kontrak. Beliau bertanggungjawab di bawah Unit Kewangan & Pentadbiran.

Manakala, seorang kakitangan iaitu Pn Hamizah Ahmad telah berhenti atas sebab peribadi.

SKIM PERKHIDMATAN KAKITANGAN

Pada tahun 2017, JKK telah membuat pindaan dalam Skim Perkhidmatan Kakitangan bagi memastikan keperluan dan kebajikan kakitangan terpelihara.

PERUBAHAN STRUKTUR KAKITANGAN

Perubahan struktur kakitangan secara peralihan telah dilaksanakan pada Ogos hingga Disember 2017. Tujuan peralihan tugas adalah bertujuan untuk memastikan perubahan struktur kakitangan pada tahun 2018 berjalan lancar.

SEMINAR DAN PELAJARAN

Bagi tujuan memantapkan lagi ilmu dalam mengembangkan perniagaan dalam Koperasi, setiap tahun, pengurusan koperasi akan menghantar anggota lembaga, jawatankuasa audit dalam dan kakitangan menjalani kursus yang berkaitan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kursus dan seminar yang diikuti oleh Anggota Lembaga, kakitangan dan perwakilan koperasi NSTP sepanjang tahun 2017. (Sila lihat Lampiran C).

PENUTUP

JKK berharap setiap langkah penjimatan yang dijalankan akan memberi kesan positif dalam kewangan koperasi. Bantuan dari semua jawatankuasa kecil, perwakilan dan anggota amat diperlukan untuk membawa Koperasi NSTP lebih daya saing dengan koperasi lain.

Sekian.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

Ahmad Shukran Mohamed Salleh
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Kewangan, Pentadbiran & Sumber Manusia

**LAPORAN JAWATANKUASA KECIL
PEMBIAYAAN, KHIDMAT PELANGGAN & COOP MART BAGI TAHUN 2017**



Duduk dari Kanan

Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (Ahli JKK) & Sdr. Abdul Rahim Llin (Pengerusi JKK)

Berdiri dari Kanan

Sdr. Mohamad Anis Abdullah (Ahli JKK), Pn. Zuliza Jumai (Ahli JKK)

& Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Aroff (Ahli JKK)

OBJEKTIF

1. Memberi perkhidmatan terbaik untuk membantu anggota mengurangkan beban ekonomi yang semakin meningkat.
2. Menawarkan perkhidmatan terbaik kepada anggota dengan mewujudkan pelbagai jenis pembiayaan dan penjualan produk-produk dari luar maupun anggota Koperasi.
3. Memberi perkhidmatan, insurans dan pembiayaan secara setempat “one-stop centre”

Oleh itu JKK akan sentiasa:

- a) Memastikan skim pembiayaan mengikut aturan yang telah ditetapkan.
- b) Merancang jenis pembiayaan dan perniagaan baru untuk anggota.
- c) Memastikan perkhidmatan kepada anggota diutamakan.
- d) Memastikan penjualan barang di Coop Mart memenuhi kehendak anggota.

LAPORAN BAGI TAHUN 2017

1) PEMBIAYAAN

Laporan pengeluaran dan pembayaran balik Skim Pembiayaan adalah sepetimana Penyata Kewangan 31 Disember 2017.

Berikut adalah perubahan yang berlaku pada tahun 2017.

1) Mengemaskini Skim Pembiayaan

Mengemaskini Aturan Skim Pembiayaan bagi membantu keperluan anggota dan mengurangkan permasalahan anggota serta tanggungan risiko kepada koperasi.

2) Pindaan Aturan Skim 100% Caruman kepada 70% Caruman

Pindaan aturan dibuat kerana caruman adalah cagaran kepada pembiayaan tanpa penjamin seperti skim tunai segera, kecemasan, insurans tayar dan cermin mata.

3) Pindaan Syarat Pengeluaran Caruman

1) Pengeluaran caruman tidak dibenarkan sekiranya anggota tersebut menjadi penjamin dan bahagian jaminannya telah melebihi dari aman pengeluaran.

2) Surat perjanjian jual beli rumah tidak melebihi 2 tahun dari tarikh permohonan.

4) Aliran Proses Pembiayaan

Prosedur disediakan sebagai panduan kepada anggota apabila memohon skim pembiayaan di Koperasi.

2) KHIDMAT PELANGGAN

Pemberitahuan status pembiayaan anggota melalui sistem pesanan ringkas, memberi kemudahan pengiraan kelayakan pembiayaan, pembaharuan insurans dan cukai jalan dengan mudah dan pembayaran bil-bil setempat.

Selain itu, khidmat pelanggan yang diberikan adalah seperti berikut :-

1) Ahli Keluarga Menjadi Anggota Koperasi

Ahli keluarga dibenarkan menjadi anggota dan pembayaran modal yuran adalah secara kaunter, terus ke akaun Koperasi atau melalui potongan gaji anggota induk

2) Promosi Barang Pengguna Sepanjang Tahun

Membuka kaunter promosi di Bangsar, TV3 dan Prai.

3) Bekas Kakitangan Meneruskan Keanggotaan

Memberi galakan kepada bekas kakitangan untuk meneruskan sebagai anggota koperasi walaupun telah menamatkan perkhidmatan di syarikat.

4) Menyediakan perkhidmatan mesin pembayaran melalui kad kredit atau debit kad

Pelanggan boleh membuat pembayaran termasuk insurans kendaraan dan coopmart menggunakan kad kredit dan kad debit.

3) COOP MART

Prestasi jualan Coop Mart adalah sepetimana Penyata Kewangan 31 Disember 2017. Coopmart berfungsi untuk memudahkan anggota mendapatkan produk terkini di pasaran. JKK akan sentiasa menghebahkan, memasarkan produk milik anggota dan seterusnya memberi peluang kepada anggota untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

PENUTUP

Hari-hari mendatang dengan cabaran demi cabaran dan juga halangan CoopMart perlu menempuh serta mengharunginya. Jawatankuasa ini akan menambah baik perkhidmatan kepada yang lebih menarik dan komunikasi dipertingkatkan. Promosi berterusan akan dibuat agar anggota tidak terlepas pandang tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan. Dengan cara ini, iaanya akan menjana lebih keuntungan kepada Koperasi serta memberi lebih manfaat kepada anggotanya.

Sekian, terima kasih.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD



ABDUL RAHIM LLIN
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL PEMASARAN & PELABURAN BAGI TAHUN 2017



Duduk dari Kanan

Sdr. Abd Rahim bin Llin (Ahli JKK) & Sdr. Baharuddin Ishak (Pengerusi JKK)

Berdiri dari Kanan

Sdr. Salehuddin Shah Shabudin (Ahli JKK), Sdr. Mohd Anis Abdullah (Ahli JKK),

Sdr. Ridzwan Ahmad (Ahli JKK) & Sdri. Nazirah Manap (Ahli JKK)

OBJEKTIF

1. Kenalpasti projek-projek baru yang berpotensi menjana pendapatan koperasi (berkualiti & jangka panjang)
2. Memperolehi dan membeli harta tanah yang berpotensi
3. Mengenalpasti pelaburan yang akan memberi pulangan

LAPORAN BAGI TAHUN 2017

Prestasi pendapatan JKK adalah berdasarkan Laporan Kewangan 31 Disember 2017.

1) PEMASARAN

A) PENGIKLANAN

- i) Iklan dalam Buku Laporan Tahunan Koperasi NSTP – Memperolehi tajaan dari pembekal lama dan baru Koperasi
- ii) Iklan untuk Pertandingan Fotografi sempena Persidangan Antarabangsa Koperasi ANGKASA (25 - 29 September 2017) - Iklan menerusi Facebook dan suratkhabar.
- iii) Iklan Billboard dan Cubig Digital sempena Persidangan Antarabangsa Koperasi ANGKASA (14 - 17 November 2017) - 1 unit Billboard di

Lebuhraya KLIA dan 3 unit iklan digital Cubig di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur

B) PENGURUSAN ACARA

Kejohanan Badminton Koperasi Bersama Bank Rakyat 2017

Kejohanan diadakan pada 11 Februari 2017 di Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 3, Menara 1, Menara Berkembar Bank Rakyat, Jalan Travers, Kuala Lumpur. Penaja utama adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia dan Koperasi Coop2U. Kategori penyertaan adalah terdiri daripada Beregu lelaki dan Beregu Campuran. Penyertaan adalah dari 12 buah koperasi yang melibatkan 24 pasukan dengan 128 peserta.

Pertandingan Fotografi sempena Persidangan Koperasi Antarabangsa ANGKASA 2017

Pertandingan diadakan pada 26 - 29 September 2017 dimana ANGKASA adalah penaja dan pengajur utama pertandingan. Koperasi NSTP bekerjasama dari segi urusan pemasaran, penyediaan laman Facebook dan penyertaan peserta. Pertandingan ini berjaya menarik seramai 230 peserta.

Kejohanan Go-Kart Koperasi Bersama ANGKASA sempena Persidangan Koperasi Antarabangsa ANGKASA 2017

Kejohanan diadakan pada 12 Ogos 2017 di Litar Go-Kart Shah Alam dan diadakan sempena Persidangan Koperasi Antarabangsa dimana peserta-peserta koperasi-koperasi Asean telah dijemput. Pada tahun 2016, kejohanan telah diadakan dengan menggunakan Go-Kart yang mempunyai kuasa kuda 80cc tetapi pada tahun 2017, iaanya telah dinaik-taraf ke 200cc. Selain dari acara utama perlumbaan, acara lain yang diadakan adalah jualan dari Food Truck. Pengambaran video dipertingkatkan dengan menggunakan dron.

Karnival Koperasi di NSTP dan TV3

Karnival diadakan semasa agihan cenderahati dan penyata kepada anggota dimana pembekal koperasi hadir untuk mengadakan promosi.

Jom Heboh dan Raudah

Pada tahun 2017, JKK telah memperolehi penyertaan iaitu dari Koperasi Kakitangan Petronas Berhad yang mengambil 5 lot gerai Jom Heboh di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

C) SKIM PENGURANGAN FAEDAH PINJAMAN PERUMAHAN (MRP)

Pada tahun 2017, pihak Koperasi NSTP telah bekerjasama dengan MRP Advisory Services Sdn Berhad (Koperasi Pengurusan Kewangan Hartanah Berhad) untuk mempromosikan skim diatas kepada anggota koperasi. Skim ini telah berjaya menarik minat beberapa anggota untuk menyertainya bagi memberi peluang penjimatan kepada mereka.

D) MESIN AIR MINUMAN DI COOP MART

Oleh kerana mesin sebelum ini menimbulkan masalah, JKK telah berjaya menukarkan mesin kepada pembekal baru yang lebih efektif dan tidak menimbulkan masalah. Mesin ini dapat memberi perkhidmatan kepada anggota-anggota terutamanya yang bekerja pada waktu malam.

2) PELABURAN HARTANAH

1) Kondominium Servis Residensi Nadi Bangsar

Alamat : Lot 28-15, Nadi Bangsar Residence, Jalan Tanduk 59100 Kuala Lumpur
Lot ini telah disewakan kepada seorang penyewa dari luar negara bermula bulan Oktober 2017.

2) Kedai Pejabat Saville Kajang

Alamat : Lot 10, Bangunan Saville Kajang, Jalan Reko, Kajang ,Selangor.
Lot ini telah siap pada Januari 2018 dan bersedia untuk disewakan

3) Kedai Pejabat Bandar Seri Putra

Alamat : No.26, Jalan Seri Putra ½ , Bandar Seri Putera, 43000 Bangi Selangor.
JKK telah membeli sebuah lot kedai pejabat 3 tingkat dimana lot bawah akan digunakan untuk cawangan kedua Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP.
Tingkat satu dan tingkat dua akan disewakan.

4) Kondominium Sri Tijanni Sungai Buloh

Alamat : Lot 12-9, Kondominium Sri Tijanni, Bukit Rahman Putra 47000 Sungai Buloh, Selangor.
Sehingga kini, lot ini dalam 80% siap dan jangka akan siap pada Mei 2018.

STRATEGI KEMPEN

Strategi untuk semua perniagaan adalah melalui sistem pesanan ringkas, telefon, email blast, poster, surat, banting, facebook, kaunter penerangan dan seminar.

PELAN TINDAKAN PERNIAGAAN 2018

A) Pengiklanan

JKK akan terus mendapatkan penaja dari pembekal koperasi dan syarikat luar dengan menawarkan pakej iklan termasuk promosi di laman web, Facebook dan Banting.

B) Pengurusan Acara

Go Kart Koperasi

Bagi tahun 2018, JKK akan menumpukan perhatian kepada penganjuran Go Kart kepada murid sekolah. Tumpuan utama akan diberikan kepada latihan, soal keselamatan pemanduan dan keadaan litar. JKK juga bercadang untuk melibatkan Kementerian Pendidikan dengan menjalinkan kerjasama dan mensasarkan agar sukan Go Kart akan dijadikan sebagai salah satu ko-kurikulum sekolah.

Usahasama dengan Kelab Kakitangan Media Prima Berhad

JKK akan bekerjasama dengan Kelab Media Prima dalam usaha menambahkan pendapatan koperasi. Tumpuan akan diberikan kepada perkhidmatan pembekalan produk premium sempena program-program anjuran kelab.

Bengkel Sukan Menembak

Dalam mempelbagaikan aktiviti koperasi, bengkel sukan menembak akan dijadikan sebagai satu acara yang akan dikendalikan oleh JKK. Bengkel ini merupakan asas menembak dan terbuka kepada anggota dan orang ramai. JKK bekerjasama dengan syarikat perunding yang berpengalaman dalam mengendalikan bengkel ini.

Treasure Hunt

Program ini merupakan aktiviti terbaru yang akan diadakan pada tahun 2018. Oleh kerana aktiviti ini belum pernah diadakan, maka JKK akan membuat perancangan teliti termasuk bekerjasama dengan syarikat perunding untuk menjayakannya.

C) Seminar

Bengkel Videografi

Lanjutan dari pengalaman dan sambutan dari program yang telah diadakan sebelum ini seperti bengkel Fotografi, Penulisan dan Videografi, pada tahun 2018, JKK bercadang mengadakan bengkel videografi kepada anggota dan orang ramai.

Seminar DIDIK/NIE

JKK akan bekerjasama dengan unit pendidikan NSTP dalam penganjuran Bengkel UPSR/PT3/SPM dan juga Program Cuti Sekolah.

D) Portal Jualan Online Koperasi NSTP

JKK akan melancarkan portal jualan secara online yang dikendalikan sendiri oleh Koperasi NSTP. Portal ini akan memberi peluang untuk koperasi untuk menambahkan pendapatan dengan menjual produk koperasi, anggota dan juga orang ramai.

E) Pakej Lawatan melalui kerjasama dengan Media Travel and Holidays Sdn Bhd

JKK akan bekerjasama dengan Media Travel Holidays Sdn Bhd untuk mengadakan pakej lawatan koperasi di luar negara dimana peserta terdiri dari koperasi-koperasi luar dan anggota koperasi NSTP. Ianya bertujuan untuk mencari produk-produk yang boleh dijual di koperasi masing-masing dan mencari rakan perniagaan di negara yang dilawati.

F) Pakej Seminar Sri Pena

Koperasi NSTP bercadang untuk bekerjasama dengan pengurusan Media Prima Berhad bagi mengendalikan kursus pada hari biasa di Sri Pena. Port Dickson. Modus Operandi JKK adalah memasarkan kemudahan Seri Pena kepada ANGKASA, MKM, SKM dan koperasi-koperasi lain yang berminat untuk mengadakan kursus, seminar, mesyuarat, Brainstorming, Teambuilding dan lain-lain. Kemudahan Sri Pena yang dimaksudkan adalah dewan seminar, dewan makan, penginapan dan sebagainya.

SASARAN DAN PELAKSANAAN BAGI TAHUN 2018

SASARAN PENDAPATAN

JKK telah mensasarkan pendapatan untuk aktiviti pengiklanan, pengurusan acara dan barang premium sebanyak **RM 135,310.00** manakala, kutipan sewaan dari harta tanah sebanyak **RM210,400.00**.

PENUTUP

Menurut pakar ekonomi, keadaan ekonomi pada tahun 2018 akan lebih mencabar terutama dalam aktiviti yang memerlukan tajaan seperti program Kejohanan Go Kart, Treasure Hunt dan sebagainya. Walaubagaimanapun, JKK akan terus bekerja keras untuk meningkatkan pendapatan dengan mengubah, mengatur dan mempelbagaikan strategi yang lebih efektif beserta dengan pengurusan kos yang baik dan juga menukar jenis perniagaan kepada yang lebih sesuai bagi merealisasikan sasaran yang telah ditetapkan demi kemajuan koperasi dan seterusnya kebajikan anggota.

Sekian, terima kasih

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



BAHARUDDIN ISHAK
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Pemasaran & Pelaburan

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL AR-RAHNU BAGI TAHUN 2017



Berdiri dari Kanan

Sdr. Ahmad Shukran Mohd Salleh (Ahli JKK), Sdr. Salehudin Shah Shabudin (Ahli JKK),
Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (Pengerusi JKK),
Sdr. M Nasir Ramli (Ahli JKK) & Sdr. Amir Mat Kupli (Ahli JKK)

OBJEKTIF

Berkebjikan dengan menawarkan peluang pembiayaan (Mikro Kredit) kepada semua masyarakat setempat bagi menampung peningkatan ekonomi yang mudah sambil menjana pendapatan yang barakah serta memberi pembiayaan berlandaskan syariah.

LAPORAN BAGI TAHUN 2017

1) PRESTASI

Prestasi Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP adalah seperti berikut:-

BUTIRAN	2017 (RM)	2016 (RM)
Nilai Marhun	8,573,716	8,807,392
Gadaian di keluarkan	5,735,209	6,023,490
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	427,733	437,676
Bayaran upah simpan yang diterima	1,093,719	1,105,640
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	7,120,858	8,017,305

2) PERBANDINGAN ANTARA 2016 & 2017

- Nilai marhun dan gadaian tahun 2017 menurun disebabkan oleh persaingan daripada Ar-Rahnu X'Change yang berhampiran iaitu di PJCC, Taman Seri Manja dan PJS 5, Namun, keuntungan Ar-Rahnu meningkat berbanding 2016 kerana, penggunaan modal sendiri sehingga menyebabkan penurunan dari caj keuntungan Bank Rakyat.
- Harga emas yang tidak menentu telah menyebabkan ramai pelanggan tidak membuat gadaian baru atau pinjaman bertindih. Maka, Ar-Rahnu telah menganjurkan program cabutan bertuah dan JKK telah menetapkan untuk meneruskan program ini kerana ianya memberi impak yang positif terutamanya untuk menarik perhatian penggadai baru.
- Jangkaan upah simpan (6 bulan) bergantung kepada jumlah pengadai. Jikalau pengadai meningkat secara tidak langsung jangkaan Upah Simpan (6 Bulan) akan bertambah. Ini kerana Nilai Marhun, Gadaian dan Upah Simpan adalah seiring. Maka, kepentingan program galakan dan perancangan yang sistematik perlu bagi menentukan pendapatan Upah Simpan mengikut jadual yang ditetapkan
- Bayaran Upah Simpan menurun sedikit disebabkan oleh pelanggan sudah bertukar alamat dan no. telefon. Pelan tindakan telah dilaksanakan iaitu memastikan segala maklumat pelanggan dikemaskini setiap hari di kaunter khidmat pelanggan. Ini bertujuan supaya pelanggan dapat dihubungi dan surat peringatan untuk akaun yang akan tamat tempoh dapat dihantar.
- Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima tahun 2017 menurun berbanding dengan tahun 2016. Ini kerana proses lelongan terakhir iaitu pada bulan Ogos, Oktober dan Disember tidak dapat diselesaikan mengikut jadual yang sepatutnya disebabkan harga rezab pada tempoh tersebut terlalu tinggi.
- Perancangan yang tepat semasa lelongan perlu diambil berat kerana ia akan menganggu peratusan akaun tamat tempoh matang atau NPL.
- Secara keseluruhan, prestasi Ar-Rahnu 2017 meningkat terutama dari segi keuntungan berbanding pada tahun 2016. Oleh itu, JKK akan membuat perancangan berjadual bagi memastikan peningkatan keuntungan bagi tahun 2018 dicapai dan secara tidak langsung ianya akan menjadi penyumbang kedua utama bagi koperasi selepas pemberian pembiayaan kepada anggota.

SASARAN DAN PELAKSANAAN AR-RAHNU BAGI TAHUN 2018

Bagi tujuan meningkatkan perniagaan dan mutu perkhidmatan, JKK akan:-

- Memastikan modal pusingan mencukupi dalam anggaran RM1 juta sebulan
- Mengadakan lelongan awam mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Memastikan tunggakan kurangan lelongan dikutip mengikut jadual
- Mengalakkan pengguna menggadai dengan cara mempromosikan Ar-Rahnu X'Change di sekitar kawasan premis.
- Mewujudkan Program Galakan seperti Cabutan Bertuah 2 kali dalam setahun.
- Memastikan Khidmat Pelanggan di kawal selia mengikut jadual.
- Mengalakkan Pemborong & Penggadai sebagai rakan niaga dalam mempromosikan kebaikan Ar-Rahnu secara meluas.
- Mewujudkan program dengan persatuan RukunTetangga di kawasan premis berhampiran.
- Membuka cawangan kedua Ar-Rahnu X'Change di Bandar Seri Putera bagi tujuan menjana pendapatan Koperasi NSTP.
- Memberi Kad Touch N Go secara percuma kepada pelanggan yang membuat Gadaian Melebihi RM5,000.00

PENUTUP

JKK akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan perniagaan supaya terus maju sehingga memperolehi penganugerahan sebagai francais terbaik.

Sekian, terima kasih.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD



MOHD FADZIL BIN ABDUL GHANI
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Ar-Rahnu

**LAPORAN JAWATANKUASA KECIL
KEANGGOTAAN, KEBAJIKAN & KOMUNIKASI BAGI TAHUN 2017**



Duduk dari Kanan

Sdr. Zulfakar Wahib (Pengerusi JKK) & Pn. Dauza Umat (Ahli JKK)

Berdiri dari Kanan

Sdr. Kamarulzaman Pid (Ahli JKK), Sdr. Khairuzzaman Mohammad (Ahli JKK),

Sdr. Kamarulzaman Salleh (Ahli JKK), Sdr. Mohd Nazri Johari (Ahli JKK) &

Sdr. Ridzwan Ahmad (Ahli JKK)

OBJEKTIF :

1. Sebagai penghubung antara koperasi dengan anggota.
2. Mengkaji dan merancang tindakan untuk mengurangkan pemberhentian anggota.
3. Menghebahkan, mempromosi maklumat tentang koperasi kepada semua anggota.
4. Memberi pendidikan kepada anggota melalui medium bacaan.
5. Memastikan kebijakan anggota terpelihara.

LAPORAN BAGI TAHUN 2017

1) KEANGGOTAAN

Syarikat Media Prima telah menawarkan Skim Pemberhentian Kakitangan kepada semua kakitangan di NSTP cawangan Ajil dan Senai dan Program #Terima Kasih kepada kakitangan yang berumur 50 tahun dan ke atas. Oleh yang demikian, kadar pemberhentian anggota koperasi juga tinggi pada tahun 2017. Walaubagaimanapun, masih ada segelintir bekas kakitangan yang masih kekal menjadi anggota koperasi.

Oleh itu, JKK sentiasa mempertingkatkan keanggotaan melalui strategi seperti berikut:-

- a) Kempen keahlian – pencadang akan menerima baukar Coop Mart bernilai RM10.00
- b) Kelulusan segera permohonan keanggotaan semasa promosi atau karnival.
- c) Tawaran kepada bukan anggota melalui email dan risalah
- d) Menawarkan dan mempromosikan keahlian kepada kakitangan kontrak – manfaat menjadi ahli adalah kelayakan skim pembiayaan jangka pendek dengan maksima pembiayaan RM5,000.00.
- e) Menawarkan keahlian kepada ahli keluarga anggota.
- f) Menawarkan keahlian kepada kakitangan rakan perniagaan koperasi

2) KEBAJIKAN

SKIM PERLINDUNGAN HAYAT DAN PENDIDIKAN KOPERASI

Berikut adalah manfaat yang telah dituntut oleh anggota koperasi untuk Skim Perlindungan Hayat dan Pendidikan Koperasi dalam tahun 2017.

A) SKIM MCIS IKHTIARI – MCIS ZURICH INSURANCE BERHAD

Bil	Nama	No Anggota	Nilai Persaraan (RM)
1.	Mohd Tajuddin Bin Ngah	5739	1,037.07
2.	Mahadi Bin Ibrahim	4570	337.55
3.	Awang Bin Abu Bakar	7840	1,056.98
4.	Adnan Bin Mat Hasan	7406	2,117.92
5.	Mohd Norizan Bin Ambak	3186	689.53
6.	Mohd Rhazi Bin Abd Razak	6889	1,043.07
7.	Kamarulzaman Bin Omar	7353	337.82
8.	Azahar Bin Mohamad	4009	338.08
9.	Hamdzan Bin Abd Halim	6998	689.53
10.	Rizwan Bin Ibrahim	6171	327.66
11.	Mohd Fadzli Bin A Ghani	4804	2,372.84
12.	Abd Ghafar Bin Abd Ghani	4478	337.55
13.	Rosli Bin Mohd	5065	337.55
14.	Zulfikri Bin Arshad	4477	1,092.84
15.	Dania Bin Salim	7024	1,041.38
16.	Mohd Hazi Bin Mahmud	7694	1,991.81
17.	Mohamed Salleh Sapari	1924	4,779.60
18.	Razman Bin Zamri	4818	3,254.89
19.	Nor Azhar Ahmad	2514	3,151.30
20.	Shafruddin Hj Hashim	5262	2,186.68
21.	Habsah Bt Yunus	5895	935.32
22.	Roslan Baharuddin	1979	15,764.50
23.	Ozali Bin Osman	3799	3,254.89
24.	Mohd Kamal Ariffin	4348	1,870.64
25.	Rashide Bin Ramli	7198	1,850.53
26.	Visvanathan a/l Tolosei Tangavaloo	7393	2,670.09
27.	Muhamad Mizal Hasbullah	2474	5,696.73
28.	Mohd Rishedy Razali	5365	2,556.60
29.	Nor Ha Mat Sidi	3930	2,893.11
30.	Abdul Latiff Mohamed Kassim	6696	652.53
31.	Juswar Jani	3035	1,303.06
32.	Khazlan Hashim	2988	2,256.06

33.	Ismail Hashim	5845	7,427.75
34.	Asman Bin Ibrahim	5634	3,237.97
35.	Abd Khalid Mohd Yasin	4137	3,179.28
36.	Razman Zamri	4818	2,110.58
37.	Habsah Yunus	5898	1,870.64
38.	Dzulmarulhilmii Afendi Mahar	2733	7,438.95
39.	Nor Azhar Ahmad	2514	2,043.36
40.	Mohd Salleh B Jamal	5056	3,268.74
41.	Fariza Bt Yaacob	6705	1,062.59
42.	Durai Raj a/l Subramaniam	7096	2,662.18
43.	Abdul Latif Mohamed Kasim	6696	1,065.27
JUMLAH			105,593.02

B) SKIM TAKAFUL MUTIARA – ETIQA TAKAFUL BERHAD

Tuntutan Manfaat Kematian, Pengebumian dan Penamatan adalah seperti berikut :-

Bil	Nama	No Anggota	Manfaat Kematian / Pengebumian	Faedah Penamatan
1.	Varunanthera a/l P Muniandy	2055	-	434.65
2.	Kamarul Efindi Badarudin	6139	-	5,250.27
3.	Haman Samad	5913	19,000.00	545.44
JUMLAH			19,000.00	6,230.36

C) SKIM TAKAFUL BESTARI – ETIQA TAKAFUL BERHAD

Bil	Nama	No Anggota	Nama Anak	Faedah/ Nilai Persaraan (RM)
1.	Kalimuthu a/l Sinnathamby	1950	Danisswaran	3,274.45
JUMLAH				3,274.45

KUMPULAN WANG DAN TABUNG ANGGOTA KOPERASI

Selain itu, koperasi telah menubuhkan beberapa kumpulan wang anggota dan tabung-tabung yang bertujuan untuk melindungi anggota seperti berikut :-

A) KUMPULAN WANG KEBAJIKAN AM

Bagi tahun 2017, Koperasi NSTP telah menggunakan wang di Kumpulan Wang Kebajikan Am untuk tujuan derma, hari keluarga jabatan dan syarikat, aktiviti sukan dan cenderahati untuk semua anggota Koperasi serta lain-lain pembayaran yang bertujuan untuk kebajikan anggota. (*Sila rujuk Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2017.*)

B) TABUNG KHAIRAT KEMATIAN

Pada tahun 2017, Koperasi telah mengeluarkan wang khairat sebanyak RM5,000 untuk diserahkan kepada waris kepada anggota berikut yang telah meninggal dunia :-

Bil	Nama Anggota	No Anggota	Syarikat	Sumbangan (RM)
1.	Haman Samad	5913	STMB	1,000.00
2.	Latif Omar	3451	NSTP	1,000.00
3.	Kamarul Efindi Badarudin	6139	NSTP	1,000.00
4.	Zulkeflee Mohamad Said	9795	STMB	1,000.00

5.	Mohd Rusli Bin Samat	9096	STMB	1,000.00
	JUMLAH			5,000.00

Koperasi juga telah memberikan sumbangan khairat kepada 80 anggota atas kematian pasangan, anak, ibu-bapa dan ibu mertua dan bapa mertua masing-masing. Diharap sumbangan ini dapat mengurangkan bebanan anggota tersebut. Butiran sumbangan adalah seperti berikut :-

Bil	Kematian	Bilangan Anggota	Kadar Sumbangan Seorang (RM)	Jumlah Sumbangan (RM)
1.	Pasangan	2	500.00	1,000.00
2.	Anak	0	500.00	0.00
3.	Ibu / Bapa	60	300.00	18,000.00
4.	Ibu Mertua / Bapa Mertua	18	300.00	5,400.00
	JUMLAH	80	JUMLAH	24,400.00

C) TABUNG PERLINDUNGAN PEMBIAYAAN

Pada tahun 2017, Koperasi telah melindungi baki pembiayaan anggota dan bekas anggota koperasi yang meninggal dunia seperti berikut :-

Bil	Simati	Jumlah Pinjaman Dilindungi (RM)
1.	Haman Bin Samad (n.a 5913)	48,044.95
2.	Nor Azman Jumahat (n.a 6001)	3,193.00
3.	Latif Bin Omar (n.a 3451)	10,727.33
	JUMLAH	61,965.28

Pada tahun 2017, Koperasi juga telah melindungi baki pembiayaan bekas anggota koperasi iaitu Noor Hayati Mohamed Idris (n.a 3251) sebanyak **RM37,981.25** yang **mengidap keilatan (penyakit barah)**.

Dengan perlindungan ini, waris dan penjamin tidak dibebankan untuk membayar baki pembiayaan tersebut.

3) KOMUNIKASI

Pada tahun 2017, komunikasi antara koperasi dengan anggota telah dipertingkatkan dengan menggunakan medium seperti berikut :-

- Sesi Penerangan – pertemuan dengan anggota semasa agihan penyata dan cenderahati
- Email Blast – hebahan poster dan maklumat terkini
- Notis – notis dipamerkan di papan kenyataan dan email blast.
- Poster / Risalah – dipamerkan di papan kenyataan, email blast dan melalui media sosial
- Facebook / Instagram – pelbagai aktiviti koperasi di kemaskini.
- Laman Web – pelbagai maklumat, aktiviti, borang-borang koperasi boleh diperolehi
- Buletin kontemporari –maklumat terkini tentang aktiviti semasa koperasi.
- Media Cetak – liputan berkenaan aktiviti koperasi
- Media Elektronik – liputan berkenaan aktiviti koperasi.

JKK amat menghargai kerjasama yang diberikan dari Jabatan Pengarang dan Jabatan Berita Media Prima Berhad untuk liputan aktiviti koperasi. Antara aktiviti koperasi yang mendapat liputan akhbar adalah Kejohanan Go Kart Bersama Angkasa 2017.

SASARAN DAN PERLAKSANAAN BAGI TAHUN 2018

- JKK akan memperkemaskan lagi sistem komunikasi koperasi terutama melalui laman web, facebook, instagram serta buletin kontemporari.
- JKK akan mengadakan kempen “Like” Facebook Koperasi bagi tujuan anggota akan memperolehi maklumat melalui media sosial tersebut.
- JKK akan menaikkan aliran trafik laman web koperasi dengan menggalakkan anggota untuk membuka laman web koperasi dengan memuat turun borang pembiayaan.
- JKK akan sentiasa berusaha mempertingkatkan jumlah anggota melalui strategi dan promosi yang bersesuaian.

PENUTUP

JKK berharap setiap perlaksanaan medium komunikasi yang dilakukan akan mendapat penerimaan yang positif dari anggota. JKK juga berharap komunikasi dua hala diwujudkan dan perwakilan turut menjadi perantara dalam usaha mempertingkatkan komunikasi dan seterusnya meningkatkan keanggotaan koperasi tanpa melupakan kebajikan anggota.

Sekian, Wassalam

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

Zulfakar Wahib
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

**LAPORAN JAWATANKUASA KECIL
KUTIPAN, LITIGASI DAN PENGURUSAN RISIKO BAGI TAHUN 2017**



Duduk dari Kanan

Sdr. Baharuddin Ishak (Ahli JKK), Sdr. Zulfakar Wahib (Pengerusi JKK) &
Sdr. M Nasir Ramli (Ahli JKK)

Berdiri dari Kanan

Pn. Azlina Ibrahim (Ahli JKK), Sdr. Ridzwan Ahmad (Ahli JKK) & Pn. Dauza Umat (Ahli JKK)

PENGENALAN

JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko ditubuhkan bertujuan untuk memperolehi semula kutipan atas tunggakan baki pembayaran dari siber hutang. Selain pengutang, pihak pengurusan juga berusaha menguruskan kutipan modal yuran bulanan dari bekas kakitangan yang bersetuju untuk meneruskan keanggotaan di koperasi (anggota sambung).

OBJEKTIF

1. Melaksanakan pengurusan kutipan bayaran balik pinjaman dan berusaha meningkatkan kutipan serta mengurangkan baki tunggakan pembayaran.
2. Menguruskan kutipan caruman bulanan secara konsisten untuk anggota sambung.
3. Mengeluarkan notis secara konsisten secara berperingkat

LAPORAN BAGI TAHUN 2017

1) KUTIPAN

PRESTASI

Perbandingan Kutipan bagi tahun 2016 & 2017

BULAN	2017	2016
JANUARI	46,308.02	4,552.00
FEBRUARI	34,395.52	9,209.47
MAC	68,486.95	19,395.88
APRIL	31,770.49	12,308.36
MEI	39,046.34	11,679.14
JUN	20,099.43	11,372.76
JULAI	37,042.65	16,213.97
OGOS	33,828.22	15,877.20
SEPTEMBER	96,605.03	12,707.32
OKTOBER	20,955.53	8,466.57
NOVEMBER	15,857.91	71,075.88
DISEMBER	14,843.82	15,541.51
JUMLAH	459,239.91	208,400.06

KUTIPAN MODAL YURAN DARI ANGGOTA SAMBUNG

Pemantauan secara bulanan supaya anggota membayar modal yuran secara konsisten
Hasil kutipan :

2016 - RM 45,543.68 2017 - RM143,800.13

Peningkatan modal yuran disebabkan anggota yang menerima #Terima kasih telah menambahkan modal yuran dalam akaun.

2) LITIGASI

Tindakan yang telah dilakukan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut :-

JENIS	KATEGORI	BIL. ORG
Selesai Bayaran		19
Proses Guaman		2
Tribunal	Daftar	14
Nexus (Agent Pengutip Hutang)		42
Award Persetujuan	Individu	4
Award Ingkar	Individu	13
Penjamin	Individu	20

Faktor kenaikan jumlah baki pembiayaan siberhutang adalah seperti berikut :-

1. Berhenti dari syarikat
2. Potongan penjamin tidak menyeluruh
3. Pinjaman tanpa penjamin
4. Litigasi mengambil masa
5. Tidak mendapat kerjasama dengan syarikat (Potongan Penjamin)

1) PENGURUSAN RISIKO

FUNGSI

Pengurusan Risiko merupakan satu fungsi bebas yang bertanggungjawab bagi mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko yang timbul daripada operasi koperasi termasuk dari aktiviti utama.

Sepanjang tahun 2017, JKK telah membincangkan pengurusan risiko untuk perkara-perkara berikut :-

1. TARikh MESUARAT : 05.01.2017

Cadangan JPP untuk kedai pejabat 3 pejabat di Bandar Seri Putera bagi tujuan premis kedua Ar-Rahnu

KEPUTUSAN

JKK bersetuju dengan cadangan pembelian.

2. TARikh MESUARAT : 05.01.2017

Media Travel – Perbincangan tentang ketidakpuasan tadbir urus kewangan
Media Travel akan membeli sistem supaya laporan dapat dijalankan dengan telus

KEPUTUSAN

Perniagaan pelancongan diteruskan kerana pelaburan telah dibuat dan perniagaan berpotensi untuk berkembang maju.

3. TARikh MESUARAT : 08.02.2017

Bagi mengenalpasti anggota aktif yang menjadi penjamin kepada siberhutang, pengurusan akan menukar status anggota aktif kepada ‘Blacklist’ bagi tujuan menyemak kiraan potongan gaji menggunakan penyata gaji yang dilampirkan semasa permohonan skim pembiayaan jangka pendek.

KEPUTUSAN

JKK bersetuju dan perlu memaklumkan perkara ini kepada Unit Pembiayaan

4. TARikh MESUARAT : 08.02.2017

Cadangan JKCOM untuk memberi pembiayaan peribadi sebanyak RM5,000 kepada kakitangan kontrak.

KEPUTUSAN

Pindaan telah dipersetujui di Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-49 pada 13 Mei 2017.

5. TARikh MESUARAT: 13.03.2017

Pindaan Aturan Skim Pembiayaan 100% caruman kepada 70% Caruman.

KEPUTUSAN

Pindaan telah dipersetujui di Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-49 pada 13 Mei 2017.

6. TARIKH MESYUARAT : 13.03.2017

Pindaan Aturan Pengeluaran caruman iaitu tarikh surat perjanjian jual beli rumah adalah dalam tempoh 2 tahun dari tarikh permohonan serta mengambil kira bahagian jaminan sebagai penjamin.

KEPUTUSAN

Pindaan telah dipersetujui di Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-49 pada 13 Mei 2017.

7. TARIKH MESYUARAT : 13.03.2017

Terma dan syarat pembiayaan untuk kakitangan dari Rakan Perniagaan adalah sama seperti kakitangan kontrak.

KEPUTUSAN

JKK bersetuju

8. TARIKH MESYUARAT : 06.04.2017

Disemak semula kelayakan pembiayaan dimana dengan bayaran RM180.00 telah melayakkan pembiayaan peribadi RM5,000.00. Dicadangkan supaya menjadi anggota sekurang-kurangnya 6 bulan

KEPUTUSAN

Mesyuarat lembaga tidak bersetuju dengan cadangan kerana untuk memberi galakan kepada anggota baru

9. TARIKH MESYUARAT : 06.07.2017

Ketidakpuasan laporan pentadbiran dalam Media Travel, pengurusan Media Travel masih menggunakan akaun persendirian, kecewa dengan laporan yang diberi dimana tidak dinyatakan dengan terperinci. Laporan kewangan koperasi tahun 2016 tidak dimasukkan amaun kerugian Media Travel dan En. Abdul Rahim Ismail sebagai pemegang saham tidak memberi modal kepada Media Travel

KEPUTUSAN

Telah dibentangkan dalam mesyuarat lembaga dan telah memaklumkan kepada Lembaga Pengarah Media Travel berkenaan perkara ini.

10. TARIKH MESYUARAT : 15.08.2017

Menambahkan Klausus dalam surat Akuanji, surat peringatan dan urusan lain yang melibatkan pembiayaan.

KEPUTUSAN

JKK dan Lembaga bersetuju dan telah dilaksanakan. Klausus adalah seperti berikut :-

NOTA

Segala notis yang dikeluarkan oleh Koperasi secara pos,mesej elektronik, penghantaran peribadi atau apa-apa cara lain termasuk notis komputer yang dijana yang tidak memerlukan sebarang tandatangan kepada Peminjam ke alamat atau alamat atau alamat mel elektronik seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran atau alamat terakhir yang diketahui yang diberi oleh Peminjam/Penjamin akan dianggap diterima

11. TARIKH MESYUARAT : 05.09.2017

Bagi mengurangkan risiko pinjaman tak berbayar (NPL), arahan potongan gaji penjamin akan dilaksanakan setelah notis peringatan terakhir dikeluarkan. Pihak pengurusan perlu memaklumkan kepada penjamin sebelum potongan dilaksanakan.

KEPUTUSAN

Mesyuarat lembaga setuju .

12. TARIKH MESYUARAT : 05.09.2017

Cadangan supaya had umur pembiayaan daripada umur 58 tahun kepada 50 tahun. Ini bertujuan mengelakkan risiko kenaikan baki pembiayaan atas sebab pemberhentian seperti #Terima Kasih.

KEPUTUSAN

JKK menetapkan untuk mengekalkan had umur adalah 58 tahun.

13. TARIKH MESYUARAT : 14.12.2017

Sebarang acara dan projek yang dirancang, perlu dibincangkan di JKK Pengurusan Risiko terlebih dahulu sebelum dilaksanakan.

KEPUTUSAN

JKK dan Lembaga bersetuju

14. TARIKH MESYUARAT : 14.12.2017

Tawaran cuti tanpa gaji oleh pengurusan Media Prima Berhad kepada semua kakitangan. .

KEPUTUSAN

Maklumat mengenai anggota yang menerima skim ini adalah berdasarkan maklum balas dari anggota lembaga dan anggota sendiri.

PENUTUP

JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko akan terus berusaha untuk meningkatkan pengurusan kutipan serta mengurangkan risiko dalam semua urusan.

Sekian, wassalam

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD

ZULFAKAR WAHIB
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Kutipan,Litigasi dan Pengurusan Risiko

LAMPIRAN A : MESYUARAT AGUNG KAWASAN SESI 2018/2020

Dimaklumkan bahawa Koperasi NSTP (M) Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan bagi tujuan pemilihan perwakilan bagi sesi 2018/2020 untuk hadir ke Mesyuarat Agung Perwakilan. Butiran mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti berikut :-

	KAWASAN	TARIKH MESYUARAT	TEMPAT MESYUARAT	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH KEHADIRAN	JUMLAH PERWAKILAN*
1.	Zon Utara (Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak)	21 Februari 2018 (Rabu)	Bilik Seminar The NSTP (M) Berhad Lot 3222/3223 Perai Industrial Estate 13600 S. Perai ,P. Pinang	135 orang	62 orang	2 orang
2.	Zon Tengah, Timur & Malaysia Barat (Wilayah Persekutuan, Selangor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah & Sarawak)	3 Mac 2018 (Sabtu)	Bilik Seminar 1, The NSTP (M) Berhad Tingkat Bawah, 31, Jln Riong 59100 Kuala Lumpur	2,250 orang	280 orang	45 orang
3.	Zon Selatan (Johor, Melaka & Negeri Sembilan)	5 Mac 2018 (Isnin)	Bilik Seminar The NSTP (M) Berhad 88A & 88B, Jalan Padi Satu Bandar Baru Uda 81200 Johor Bahru, Johor	61 orang	21 orang	1 orang
JUMLAH				2,446 orang	363 orang	48 orang

* Jumlah perwakilan yang dipilih adalah termasuk Anggota Lembaga dan Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi.

**LAMPIRAN B : SENARAI NAMA PERWAKILAN YANG DIPILIH DI MESYUARAT
KAWASAN UNTUK HADIR MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-50 & KE-51**

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	ZON / JAWATAN
1.	Mohd Fadzil Abdul Ghani	6456	Anggota Lembaga
2.	Zulfakar bin Wahib	3220	Anggota Lembaga
3.	Ahmad Shukran Mohamed Salleh	5222	Anggota Lembaga
4.	Baharuddin Bin Ishak	6514	Anggota Lembaga
5.	Abdul Rahim Bin Llin	5261	Anggota Lembaga
6.	M Nasir Bin Ramli	4030	Anggota Lembaga
7.	Khairuzzaman Bin Mohamad	4915	Anggota Lembaga
8.	Salehudin Shah Shabudin	4488	Anggota Lembaga
9.	Mohamad Wafi Mohamad Arof	8485	Anggota Lembaga
10.	Kamarulzaman Bin Pid	5935	Anggota Lembaga
11.	Mohammad Anis Bin Abdullah	6619	Anggota Lembaga
12.	Dauza Binti Umat	4886	Anggota Lembaga
13.	Mohd Saqairi Bin Hassan	6875	Jawatankuasa Audit Dalam
14.	Zolkepli Hamzah	3953	Jawatankuasa Audit Dalam
15.	Mohd Faizal Abdul Azis	3371	Jawatankuasa Audit Dalam
16.	Mohd Redzuan Ab Rahman	5234	Jawatankuasa Audit Dalam
17.	Mohd Hidzir Md Ismail	4995	Jawatankuasa Audit Dalam
18.	Hj Shukor Bin Hj Othman	2502	Tengah
19.	Ahmad Juanda Bin Mohamed Yasir	6687	Tengah
20.	Mohd Azlee Bin Abd Aziz	4059	Tengah
21.	Rameshdev Singh A/L Gordeyap Singh	8176	Tengah
22.	Ganesan Vellaisamy	8450	Tengah
23.	Ismawaty Binti Mohamad	5971	Tengah
24.	Khairi Abdul Khalid	8212	Tengah
25.	Hail Roshman Bin Ahmad	8172	Tengah
26.	Mohamad Bin Yahya	6786	Tengah
27.	Zulkharnain B. Abdul Rasid	5772	Tengah
28.	Mahendran A/L M Thangathorai	4619	Tengah
29.	Abdul Aziz Bin Ibrahim	6893	Tengah
30.	Johari Bin Bahari	8751	Tengah
31.	Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali	8424	Tengah
32.	Shariff Bin Ibrahim	2241	Tengah
33.	Zaiponizam Bin Hamzah	5968	Tengah
34.	Visvalingam A/L K.Rajoo	2470	Tengah
35.	Mohd Fauzi Bin Abu	8143	Tengah
36.	Ahmad Nizam Bin Eusof	5660	Tengah
37.	Zairani Bin Zamri	5239	Tengah
38.	Junaidah Binti Harun	5996	Tengah
39.	Mohd Fareed Izwan Shah Bin Md Amin	7593	Tengah
40.	Zainudin Bin Abu Khair	1947	Tengah
41.	Ku Azmi Bin Ku Saad	5339	Tengah
42.	Abd Rahim B. Mohd Desa	6639	Tengah
43.	Ahmad Azizi Bin Ismail	5410	Tengah
44.	Shahrul Azman Sharip	8581	Tengah
45.	Thanarajan A/L S. Dorairaj	4018	Tengah
46.	Nazri Halid	6204	Utara
47.	Muhammad Asyadi B Omar	7692	Utara
48.	Roslan Baharuddin	1979	Selatan

LAMPIRAN C :

**KURSUS / SEMINAR YANG DIHADIRI OLEH ANGGOTA LEMBAGA, KAKITANGAN,
JAWATANKUASA AUDIT DALAM DAN ANGGOTA KOPERASI**

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
1.	Program Penanda Aras Zakat dan Waqaf di Majlis Ugama Islam Singapura Anjuran : Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad Tempat : Majlis Ugama Islam Singapura	11/01/2017 sehingga 13/01/2017	Zulfakar Wahib
2.	Seminar Brainstorming Koop NSTP Anjuran : Koperasi NSTP Tempat : Hotel Hatten Melaka	21/01/2017 sehingga 22/01/2017	11 Anggota Lembaga 5 Jawatankuasa Audit Dalam 6 Kakitangan
3.	Seminar Hala Tuju Sektor Perkhidmatan Kewangan Koperasi dan Majlis Pelancaran Pelan Pembangunan Sektor Perkhidmatan Kewangan Koperasi 2016-2020 Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tempat : Auditorium Sasana Kijang Bank Negara Malaysia	23/01/2017	Ahmad Shukran Bin Mohamed Salleh
4.	Majlis Amanat 2017 oleh Yb Dato' Seri Hamzah Zainudin Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan Anjuran : Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Tempat : Auditorium ANGKASA	16/02/2017	Zulfakar Wahib M. Nasir Ramli
5.	Kursus English Communication At Workplace Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia Petaling Jaya	22/02/2017 Sehingga 24/02/2017	Mohd Nazri Johari Nazirah Abd Manap
6.	Lawatan Kunjung Hormat ke Koperasi COOP2U Berhad Anjuran : Koperasi COOP2U Berhad Tempat : Koperasi COOP2U Berhad	04/03/2017	Rodziah Jamaah Ridzwan Ahmad Zuliza Jumai, Zulfakar Wahib Mohd Fadzil Abdul Ghani Junaidah Harun, M. Nasir Ramli Abdul Rahim Llin
7.	Taklimat Keusahawanan & Kesihatan Anjuran : MyAngkasa Holdings Sdn Bhd dan Muslim Business Network Tempat : Hotel De Palma Ampang	09/03/2017	Nazirah Abd Manap
8.	Bicara Ilmu Celik Cukai : Antara Kewajipan dan pengecualian kepada koperasi Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia petaling Jaya	15/03/2017	Mohamad Wafi Nor Amiza Bt Azizi Normaheran Bt Baharuddin

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
9.	Persidangan Tahunan Ar-Rahnu X'Change 2017 & Malam Anugerah Francais Ar-Rahnu X'Change 2016 Anjuran : Rakyat Management Services Tempat : Mesmera Ballroom The Everly Putrajaya	22/02/2017 Sehingga 24/02/2017	Amir Bin Mat Kupli@Kupli Mohd Fadzil Abdul Ghani Salehudin Shah Shahudin
10.	Kursus Peningkatan Keterampilan Diri Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia Petaling Jaya	05/04/2017 Sehingga 06/04/2017	Nazirah Abd Manap Nor Khairina Bt Leela Nasaruddin
11	Kursus Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib ALK 2) Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Sunn Inns Hotel Kuala Selangor	05/04/2017 Sehingga 06/04/2017	Kamarulzaman Bin Pid Mohammad Anis Bin Abdullah
12	Kursus Pengurusan Sumber Manusia Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia Petaling Jaya	08/05/2017 Sehingga 09/05/2017	Khairuzzaman Mohamed Mohamad Wafi Normaheran Bt Baharuddin
13	Majlis Penyerahan Zakat Koperasi dan Iftar Ramadhan Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan Tempat : Grand Seasons Hotel Kuala Lumpur	15/06/2017	Zulfakar Wahib
14	Mesyuarat Jawatankuasa Usul Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa (PKTA) Anjuran : Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Tempat : Pejabat Wilayah Persekutuan KL	05/07/2017	Mohd Fadzil Abdul Ghani
15	Kursus Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi (Wajib JKAD) Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya	10/07/2017 Sehingga 11/07/2017	Mohd Hidzir Md Ismail Mohd Faizal Abdul Aziz
16	Perjumpaan dan Perbincangan Jurucakap PKTA ke-32 Anjuran : Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Tempat : ALIYA Hotel ,Klang	13/07/2017 Sehingga 14/07/2017	Mohd Fadzil Abdul Ghani
17	Majlis Pra Pelancaran Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Tahun 2017 dan ramah mesra YB Menteri KPDKKK bersama gerakan koperasi. Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tempat : Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia	17/07/2017	Salehudin Shah Shahudin

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
18	Mesyuarat Agung Khas Persatuan Pajak Gadai Islam Malaysia Anjuran : Persatuan Pajak Gadai Islam Malaysia Tempat : Menara Kembar Bank Rakyat	19/07/2017	Salehudin Shah Shahudin
19	Perjumpaan dan Perbincangan Jurucakap PKTA ke-32 Anjuran : Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Tempat : Bilik Redang 1&2,PWTC KL	20/07/2017 Sehingga 22/07/2017	Mohd Fadzil Abdul Ghani
20	Kursus Perakaunan Asas Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya	24/07/2017 Sehingga 28/07/2017	Nor Amiza Bt Azizi
21	Program Klinik Profil Anggota Koperasi Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tempat : Bilik Mesyuarat Suruhanjaya Koperasi Cawangan Wilayah Persekutuan	25/07/2017	Normaheran Bt Baharuddin
22	Majlis Perjumpaan Koperasi-Koperasi Agensi Pelancongan Malaysia Anjuran : Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Tempat : Dewan Datuk Ali Baharum (A)	3/08/2017	Ridzwan Ahmad
23	Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib ALK 1) Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya	7/08/2017 Sehingga 8/08/2017	Dauza Binti Umat
24	Majlis Pra Pelancaran Hari Koperasi Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Sempena Program Pemantapan Jati Diri Koperasi-Koperasi Wilayah Persekutuan. Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan Tempat : Sports Planet Ampang ,Kompleks Sukan Ampang	12/08/2017	Mohammad Anis Bin Abdullah
25	Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Koperasi Negara 2017 Peringkat Wilayah Persekutuan. Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan Tempat : Tingkat 8 ,Dewan UCC, Wisma Koperasi.	21/08/2017	Zulfakar Wahib Ridzwan Ahmad

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
26	Kursus Pemulihan Pinjaman Tidak Berbayar Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya	22/08/2017 Sehingga 23/08/2017	Dauza Binti Umat Azlina Binti Ibrahim
27	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Persatuan Pajak Gadai Islam Malaysia Anjuran: Rakyat Management Services Tempat: Bilik Mesyuarat Utama,RMS	23/08/2017	Salehudin Shah Shabudin
28	Sambutan Hari Koperasi Negara 2017 Peringkat Wilayah Persekutuan Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan Tempat : Medan Tuanku,Kuala Lumpur	26/08/2017	Nazri Bin Johari Faizal Azis Mohd Redzuan
29	Taklimat Keanggotaan & Pelaburan Coop Bank Persatuan Anjuran : Coop Bank Persatuan Tempat : Pejabat Wilayah Tengah Coop Bank Persatuan	7/09/2017	Zulfakar Wahib Rodziah Jamaah M. Nasir Ramli
30	Perbincangan Persatuan Francaisi ARX Anjuran : Sekata Rakyat Tempat : Bilik Mesyuarat Sekata Rakyat	8/09/2017	Rodziah Jamaah M. Nasir Ramli Salehudin Shah Shabudin
31	Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2) Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya	18/09/17 Sehingga 19/09/2017	Dauza Binti Umat
32	Audit Patuh Syariah Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya	25/09/2017 Sehingga 27/09/2017	Mohd Saqairi
33	Treasure Hunt 2017 Sekata Rakyat Anjuran :Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekata Rakyat) Tempat : Mula (Menara Kembar Bank Rakyat) Tamat (Impiana Hotel,Ipoh)	7/10/2017	Mohammad Anis Ahmad Shukran Bin Mohamad Wafi Muhammad Putra Idzreen
34	Seminar “Ketahui Rahsia Daya Tahan Bisnes Koperasi” Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Grand Bluewave Hotel,Shah Alam	11/10/2017 Sehingga 12/10/2017	Ridzwan Ahmad
35	Seminar “Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965: Apa Peranan Koperasi?” Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Hotel Tower Regency,Ipoh	12/10/2017	Salehudin Shah Shabudin Amir Bin Mat Kupli@Kupli

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
36	Kursus Eusahawan Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya	15/10/2017	Ridzwan Ahmad
37	Kursus Kreativiti dan Inovasi Diri di Koperasi Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya	8/11/2017 Sehingga 9/11/2017	Zulfakar Wahib Rodziah Jamaah
38	Program Pemadanan Perniagaan MACCOPS 2017 Anjuran : Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad Tempat : Sunway Pyramid Convention Centre	15/11/2017 Sehingga 19/11/2017	Ridzwan Ahmad Nazarudin Bin Kamarudin
39	ICA Global Conference & General Assembly Anjuran : Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Tempat : Sunway Resort Hotel & Spa	14/11/2017 Sehingga 17/11/2017	Mohd Fadzil Abdul Ghani
40	Kursus Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib ALK 2) Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya	20/11/2017 Sehingga 21/11/2017	Baharuddin Bin Ishak
41	Kursus Pengurusan Tekanan Kerja (stress) Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya	22/11/2017 Sehingga 23/11/2017	Mohd Fakhri Bin Abdul Koles Ismadi Bin Ismail
42	Bicara Profesional :Strategi Pemasaran Online:Bajet Ciput ,Impak Maksimum Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya	30/11/2017	Muhammad Putra Idzreen Mat Salihin Nazirah Binti Abd Manap Nur Ashieqin Binti Abd Malid
43	Seminar "Bisnes Pelancongan :Jana Pendapatan Koperasi Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Hotel Langkawi Seaview,Kedah	4/12/2017 Sehingga 5/12/2017	Mohd Fadzil Abdul Ghani Baharuddin Bin Ishak Zulfakar Wahib
44	Program Lestari Modal Insan Koperasi Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Dewan Selayang Capital,Batu Caves.	10/12/2017	Salwa Binti Badaruddin Zuliza Binti Jumai



Jawatan Kuasa Audit Dalaman 2017 / 2018

No Ruj Kami : 09/JKAD 2017/2018-MAT50

15hb Mac 2018

Anggota Lembaga Koperasi

Koperasi The New Straits Times Press (M) Berhad
31 Jalan Riong
59100 Kuala Lumpur

Tuan / Puan,

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2017/2018

Laporan Audit ini disediakan untuk mematuhi kehendak Seksyen 49, Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil 52 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 50.

1. Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi The New Straits Times Press (M) Berhad seisi 2017/2018 dianggotai oleh :-

Mohd Saqairi Bin Hassan	-	Pengerusi
Zolkefli Hamzah	-	Ahli Jawatankuasa
Mohd Redzuan Ab Rahman	-	Ahli Jawatankuasa
Mohd Faizal Abd Azis	-	Ahli Jawatankuasa
Mohd Hidzir Md Ismail	-	Ahli Jawatankuasa

2. Laporan yang dibuat adalah berdasarkan Kunci Kira-Kira tahun berakhir 31hb Disember 2017 merangkumi Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi, Akaun Perdagangan, Penyata Aliran Tunai, Skim-Skim Pinjaman dan Nota Akaun. Pengauditan juga merangkumi aspek pentadbiran keseluruhan koperasi termasuk Koopmart dan Ar Rahnu.

3. Jadual pengauditan adalah seperti berikut :-

- 21hb Jun 2017
Mesyuarat Audit pertama sesi 2017/2018
- 17hb & 18hb Julai 2017
Skim Pembiayaan Peribadi / Skim Pembiayaan Barang Pengguna / Skim Pembiayaan Tunai Segera / Skim Penjadualan Semula / Pengaliran Wang Tunai Masuk Keluar / Skim Pembiayaan Pendidikan / Skim Kecemasan
- 1hb Ogos 2017
Data Caruman Anggota / Data Pembiayaan Anggota / Baki Legar Am
- 14hb September 2017
Data Baki Pinjaman / Data Caruman Anggota / Data Pembiayaan Anggota
- 25hb September 2017
Skim Pembiayaan Kenderaan / Skim Pembiayaan Umrah dan Perlancongan / Pengeluaran Simpanan Khas / Pengeluaran Caruman / Skim Rawatan Mata / Skim Pembiayaan Insuran dan Cukai Jalan / Skim Pembiayaan Perayaan / Skim Insuran Berkelompok
- 15hb November 2017
Koop Ar-Rahnu X'Change
- 20hb Januari 2018
Stok Coopmart
- 22hb Januari 2018
Pengaliran Wang Tunai Keluar masuk / Akaun Ahli Lembaga Koperasi / Akaun Kakitangan Koperasi / Tabung Kebajikan Am
- 13hb & 14hb Mac 2018
Polisi Pentadbiran dan Kewangan Koperasi / Skim Perkhidmatan Kakitangan / Skim Berkelompok / Pengeluaran Simpanan Khas / Pengeluaran Caruman / Wang Tunai Jualan Coopmart / Manual Aturan Kerja

4. Tertakluk kepada perkara-perkara di atas, kami berpendapat bahawa prestasi pengurusan dan hal ehwal koperasi adalah sama seperti di tahun lepas iaitu menunjukkan peningkatan di mana penyata dan rekod-rekod perakaunan serta rekod-rekod lain tersusun dengan baik dan disimpan dengan teratur. Urusan pentadbiran seperti pengendalian fail-fail dan urusniaga perbelanjaan, penerimaan, perolehan adalah sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi (52).

5. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan Koperasi dan Ahli Lembaga Koperasi atas kepercayaan dan kerjasama yang amat baik sepanjang tempoh kami menjalankan tanggungjawab audit dalam ini.

Sekian. Salam Hormat.



Yang Menjalankan Tugas




Mohd Saqairi Bin Hassan
Pengerusi JKAD




Zolkefli Hamzah
Ahli JKAD

Mohd Redzuan Ab Rahman
Ahli JKAD

Mohd Raizal Abd Azis
Ahli JKAD

Mohd Hidzir Md Ismail
Ahli JKAD

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad, yang terdiri daripada Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2017, Akaun Untung Rugi, dan Penyata Aliran Tunai Koperasi bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting seperti yang dinyatakan di halaman 9 hingga 48.

Pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang disertakan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai Kedudukan Kewangan Koperasi pada 31 Disember 2017, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Asas Untuk Pendapat

Kami menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut selanjutnya dihuraikan dalam *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas kepada pendapat kami.

Tanggungjawab Kebebasan Dan Lain-Lain Tanggungjawab Etika

Kami bebas daripada Koperasi mengikut Undang-Undang Kecil (pada Etika Profesional, Tingkah Laku dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("By-Undang-undang") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan untuk Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Perkara Utama Audit

Perkara utama audit adalah perkara-perkara yang, dalam penghakiman profesional kami, adalah yang paling penting dalam pengauditan kami terhadap Penyata Kewangan Koperasi untuk tahun semasa. Perkara-perkara ini ditangani dalam konteks audit kami terhadap Penyata Kewangan Koperasi pada keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami di atasnya, dan kami tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai perkara ini.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Didafarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Maklumat Selain Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang dimasukkan dalam laporan tahunan, tetapi tidak termasuk Penyata Kewangan Koperasi serta laporan juruaudit kami di atasnya.

Pendapat kami mengenai Penyata Kewangan Koperasi tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan apa-apa bentuk jaminan kesimpulan ke atasnya.

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap Penyata Kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain adalah tidak konsisten dengan Penyata Kewangan Koperasi atau pengetahuan kami yang diperolehi dalam audit atau sebaliknya tersalah nyata material dijumpai.

Sekiranya, berdasarkan hasil kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang material di dalam laporan Anggota Lembaga Koperasi, kami dikehendaki melaporkan fakta itu. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi untuk Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk penyediaan Penyata Kewangan Koperasi yang memberi pandangan yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman seperti yang ditentukan oleh Anggota Lembaga Koperasi untuk membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Koperasi bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan Penyata Kewangan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, mendedahkan, sebagaimana yang berkenaan, perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan usaha berterusan sebagai asas perakaunan melainkan jika Anggota Lembaga Koperasi sama ada bercadang untuk membubarkan Koperasi atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk melakukannya.

Objektif kami adalah untuk mendapatkan kepastian yang munasabah mengenai sama ada Penyata Kewangan Koperasi secara keseluruhan bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit dijalankan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata material apabila wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata tersebut boleh dijangka munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan Penyata Kewangan ini.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara Penyata Kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan audit prosedur yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas kepada pendapat kami. Risiko tidak mengesan bahan salah nyata yang disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, sebagai penipuan mungkin melibatkan, pemalsuan, peninggalan yang sengaja, salah nyata, atau penolakan kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka audit prosedur yang sesuai dalam keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan Anggota Lembaga Koperasi pada asas usaha berterusan perakaunan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Koperasi untuk meneruskan usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, adalah perlu untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Koperasi untuk berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan isi Penyata Kewangan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada Penyata Kewangan Koperasi mewakili urus niaga asas dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi mengenai, antara perkara lain, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa pengauditan kami.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Didafarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (*sambungan*)

Kami juga memberikan Anggota Lembaga Koperasi dengan kenyataan bahawa kami telah mematuhi keperluan etika yang relevan mengenai kebebasan, dan untuk berkomunikasi dengan mereka mengenai semua hubungan dan perkara-perkara lain yang mungkin dianggap munasabah sebagai kebebasan kami, dan di mana terpakai, perlindungan yang berkaitan.


Dari perkara yang dikomunikasikan dengan Anggota Lembaga Koperasi, kami menentukan perkara-perkara yang menjadi paling penting dalam pengauditan Penyata Kewangan Koperasi untuk tahun semasa dan oleh itu adalah perkara penting dalam audit. Kami menerangkan perkara-perkara ini dalam laporan juruaudit kami melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam mengenai perkara itu atau bila, dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, kami menentukan bahawa sesuatu perkara tidak sepatutnya disampaikan dalam laporan kami kerana akibat buruk daripada berbuat demikian dijangka melebihi faedah kepentingan awam disebabkan komunikasi tersebut.

Lain-lain Perkara

Laporan ini dibuat semata-mata kepada anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, mengikut Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan tidak ada tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.



KAMAL ZAHARI & CO.
AF1505
AKAUNTAN BERTAULIAH



MOHD KAMAL BIN MOHD ZAHARI
SKM (B) 0250

Kuala Lumpur

Tarikh : 28 Mac 2018

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
LAPORAN BERKANUN LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(c) AKTA KOPERASI, 1993

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Pengarah **KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD** dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi, 1993 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, kami bagi pihak Anggota Lembaga Pengarah Koperasi melaporkan bahawa:

- a) Pada pendapat Anggota Lembaga Pengarah Koperasi, hasil kendalian Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang luar biasa mengikut takrif Seksyen 59(4) Akta Koperasi, 1993.
- b) Koperasi bercadang membayar dividen sebanyak masing-masing 5% dan 3% berjumlah RM 954,282 (2016: 5% berjumlah RM 1,037,761) berdasarkan modal yuran dan modal saham anggota setakat 30 Jun 2017, tertakluk kepada persetujuan dalam Mesyuarat Agung perwakilan dan Suruhanjaya Koperasi.
- c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara penilaian aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- d) Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, tiada liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.
- e) Anggota Lembaga Pengarah Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di dalam Kunci Kira-Kira Koperasi memberikan gambaran yang benar dan saksama.
- f) Tiada liabiliti luarjangka akan berkuatkuasa dan tiada kemungkinan liabiliti sedemikian akan ditanggung dalam tempoh 12 bulan sejak berakhir tahun kewangan, yang akan atau mungkin menjelaskan secara ketara keupayaan Koperasi dalam menunaikan sebarang bentuk liabiliti apabila tiba masanya.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Laporan Berkanun Lembaga....Samb.

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Pengarah koperasi, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyakatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi, 1993.

MOHD FADZIL ABDUL GHANI
(Pengerusi)

ZULFAKAR WAHIB
(Setiausaha)

AHMAD SHUKRAN MOHAMED SALLEH
(Bendahari)

Kuala Lumpur,

Tarikh: **28 MAR 2018**

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM	2016 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	4	4,826,753	4,302,857
Pelaburan dalam saham siarharga	5	123	123
Pelaburan dalam saham taksiarharga	6	807,247	747,115
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	7	144,000	144,000
Pinjaman anggota jangka panjang	8	18,209,646	20,868,039
Aset tidak nyata	9	14,000	21,000
Pelaburan-pelaburan lain	10	2,550,000	2,330,000
		<u>26,551,769</u>	<u>28,413,134</u>
ASET SEMASA			
Inventori	11	23,256	20,096
Pinjaman anggota jangka pendek	8	1,229,796	1,337,182
Pembentahan gadaian Ar-Rahnu	11	7,549,360	7,669,444
Penghutang perdagangan (upah simpan) Ar-Rahnu		443,605	407,479
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	13	3,532,294	3,783,098
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	14	1,300,000	1,300,000
Tunai dan setara tunai	15	1,680,753	1,464,332
		<u>15,759,064</u>	<u>15,981,631</u>
JUMLAH ASET		<u>42,310,833</u>	<u>44,394,765</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Kunci Kira-Kira.....samb.

	Nota	2017 RM	2016 RM
DIBIAYAI OLEH			
Modal yuran anggota	16	18,916,573	19,584,466
Modal syer anggota	17	2,633,047	2,819,073
Akaun Rizab Modal	18	490,676	490,676
Tabung dan Lain-lain Kumpulan Wang	19	810,741	940,982
Akaun untung rugi terkumpul		309,915	297,364
KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>23,160,952</u>	<u>24,132,561</u>
 Kumpulan wang rizab statutori	20	<u>2,800,198</u>	<u>2,663,704</u>
		<u>2,800,198</u>	<u>2,663,704</u>
 LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pembentukan berjangka daripada institusi kewangan	21	11,539,168	12,758,187
Geran bantuan ubahsuai	22	-	8,817
		<u>11,539,168</u>	<u>12,767,004</u>
 LIABILITI SEMASA			
Simpanan khas anggota	23	1,287,624	1,358,753
Pembentukan berjangka daripada institusi kewangan	21	1,764,772	1,680,792
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	24	22,749	25,480
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	25	11,375	12,740
Peruntukan dividen anggota	26	954,282	1,037,761
Pelbagai pembiayaan dan akruan	27	769,713	715,970
		<u>4,810,515</u>	<u>4,831,496</u>
 JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>42,310,833</u>	<u>44,394,765</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
